

**UNSUR-UNSUR KONFLIK DAN KAEDAH  
PENYELESAIANNYA DALAM FILEM *PULANG*  
ARAHAN KABIR BHATIA**

**MOHD AZLEY BIN ABDUL JARI**

UNIVERSITI

MALAYSIA

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN  
KEPUJIAN**

**2024**



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**UNSUR-UNSUR KONFLIK DAN KAEDAH  
PENYELESAIANNYA DALAM FILEM *PULANG*  
ARAHAN KABIR BHATIA**

**MOHD AZLEY BIN ABDUL JARI  
(C20A1061)**

**Tesis Yang Dikemukakan Adalah Untuk Memenuhi  
Sebahagian Daripada Syarat Memperolehi Ijazah Sarjana  
Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian**

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**FEBRUARI 2024**

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh \_\_\_\_\_ sehingga \_\_\_\_\_

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.



Tandatangan Pelajar

Nama Pelajar: Mohd Azley Bin Abdul Jari  
No. Kad Pengenalan: 000710-12-2089  
Tarikh: 20 Februari 2024



Tandatangan Penyelia

Nama Penyelia: En. Sudirman Bin Kiffli  
Tarikh: 20 Februari 2024

KELANTAN

## PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Penyayang dan Maha Pemurah.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur Allah S.W.T kerana dengan kurniaan dan keizinan ini, saya mampu menyiapkan Projek Penyelidikan yang telah diberikan dengan jayanya. Terutama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Universiti Malaysia Kelantan kerana memberi peluang kepada saya dalam menghasilkan tugas Projek Penyelidikan ini dengan menyediakn kemudahan seperti perpustakaan bagi memudahkan kami untuk mendapatkan bahan rujukan yang berkaitan dengan tajuk tugas kami

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih sebagai tanda penghargaan kepada Encik Sudirman bin Kiffli selaku penyelar PP1 dan PP2 kerana telah banyak memberi tunjuk ajar serta penerangan yang sempurna kepada saya dari awal lagi sejak tugas mula diberikan sehinggalah dalam proses menyiapkan tugas ini dengan jayanya. Selain itu, saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pensyarah kerana telah berkongsi ilmu kepada saya sepanjang pengajian saya di UMK.

Tidak lupa juga keluarga di kampung terutamanya kepada kedua ibu bapa saya yang selalu bagi sokongan moral kepada saya supaya saya tidak berputus asa demi mencapai segulung ijazah. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tak terhingga rakan-rakan yang turut sama membantu memberi buah fikiran serta Cadangan menyiapkan tugas ini. Tanpa sokongan dan pertolongan mereka mungkin saya tidak mampu untuk menyelesaikan tugas ini dengan sempurna. Akhir kata, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih sekali lagi kepada semua kawan-kawan yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung bagi membantu menyiapkan tugas ini. Hanya tuhan sahaja yang dapat membalas segala budi baik kalian.

Sekian, terima kasih.

Mohd Azley bin Abdul Jari

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

Universiti Malaysia Kelantan

13 Februari 2024

3 Syaaban 1445 H

## ISI KANDUNGAN

| <b>PERKARA</b>                               | <b>MUKA SURAT</b> |
|--|-------------------|
| <b>PENGHARGAAN</b>                           | i                 |
| <b>ISI KANDUNGAN</b>                         | ii                |
| <b>SENARAI RAJAH</b>                         | iv                |
| <b>SENARAI GAMBAR</b>                        | v                 |
| <b>ABSTRAK</b>                               | vii               |
| <b>ABSTRACT</b>                              | viii              |
| <br>   |                   |
| <b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>                    |                   |
| 1.0 Pengenalan                               | 1                 |
| 1.1 Permasalahan Kajian                      | 4                 |
| 1.2 Onjektif Kajian                          | 5                 |
| 1.3 Persoalan Kajian                         | 5                 |
| 1.4 Batasan Kajian                           | 5                 |
| 1.5 Kepentingan Kajian                       | 6                 |
| 1.6 Metodologi Kajian                        | 8                 |
| 1.7 Organisasi Kajian                        | 11                |
| 1.8 Kesimpulan                               | 13                |
| <br>   |                   |
| <b>BAB 2: SOROTAN KAJIAN LEPAS</b>           |                   |
| 2.0 Pengenalan                               | 14                |
| 2.1 Kajian Tentang Konflik                   | 14                |
| 2.2 Kajian Terhadap Teori Konflik J.W Burton | 22                |
| 2.3 Kajian Terhadap Filem Pulang             | 24                |
| <br>   |                   |
| <b>BAB 3: METODOLOGI KAJIAN</b>              |                   |
| 3.0 Pengenalan                               | 25                |
| 3.1 Reka Bentuk Kajian                       | 26                |
| 3.1.1 Kaedah Kualitatif                      | 27                |
| 3.2 Kaedah Kajian                            | 28                |
| 3.2.1 Kaedah Analisis Teori                  | 28                |
| 3.2.2 Kaedah Analisis Kandungan              | 29                |
| 3.2.3 Kaedah Kepustakaan                     | 30                |

|  |    |
|--|----|
| 3.2.4 Kaedah Carian Internet                                   | 30 |
| 3.3 Teori Konflik  | 31 |
| 3.3.1 Sejarah Ringkas Teori Konflik                            | 32 |
| 3.3.2 Konflik Menurut Tokoh                                    | 34 |
| 3.4 Kerangka Teoretikal  | 35 |
| 3.5 Kesimpulan   | 36 |
| <b>BAB 4: ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN</b>                      |    |
| 4.0 Pengenalan   | 37 |
| 4.1 Dapatan Kajian   | 38 |
| 4.1.1 Jenis-jenis Konflik Dalam Filem Pulang                   | 39 |
| 4.1.2 Kaedah-kaedah Penyelesaian Konflik Dalam<br>Filem Pulang | 59 |
| <b>BAB 5: KESIMPULAN</b>                                       |    |
| 5.0 Pengenalan   | 79 |
| 5.1 Rumusan Kajian   | 80 |
| 5.2 Cadangan   | 81 |
| 5.2.1 Masyarakat   | 81 |
| 5.2.2 Pihak Kerajaan   | 82 |
| 5.2.3 Cadangan Kepada Pengkaji Lain                            | 83 |
| 5.3 Penutup  | 84 |
| <b>RUJUKAN</b>   | 85 |

## SENARAI RAJAH

| <b>PERKARA</b>                          | <b>MUKA SURAT</b> |
|---|-------------------|
| Rajah 1: Kerangka Teori Konflik         | 1                 |
| Rajah 2: Pendekatan Konflik J. W Burton | 3                 |
| Rajah 3: Kerangka Teorikal              | 5                 |



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## SENARAI GAMBAR

| PERKARA   | MUKA SURAT |
|---|------------|
| Gambar 1: Tangkap layar babak Che Tom mencari Othman  | 40         |
| Gambar 2: Tangkap layar babak menunjukkan Othman merasa dirinya tidak dapat memberikan kemewahan            | 41         |
| Gambar 3: Tangkap layar menunjukkan Othman rindu pada Che Tom   | 41         |
| Gambar 4: Tangkap layar babak menunjukkan Othman memikirkan keadaanya yang sehelai sepinggang               | 43         |
| Gambar 5: Tangkap layar menunjukkan Che Tom membuang barang jahitannya                                      | 44         |
| Gambar 6: Tangkap layar babak menunjukkan Che Tom marah terhadap Othman                                     | 46         |
| Gambar 7: Tangkap layar babak menunjukkan Che Tom melarang Othman menyerah diri mengikuti buruh paksa Jepun | 47         |
| Gambar 8: Tangkap layar menunjukkan Che Tom tidak menerima keputusan Othman menjadi kelasi kapal            | 49         |
| Gambar 9: Tangkap layar menunjukkan Che Tom merampas gambar Othman daripada Omar                            | 50         |
| Gambar 10: Tangkap layar menunjukkan Che Tom menjual bot Othman   | 52         |
| Gambar 11: Tangkap layar menunjukkan Omar memberi surat kepada Che Tom                                      | 53         |
| Gambar 12: Tangkap layar babak menunjukkan Othman dan Lum lari dari pihak Jepun                             | 56         |
| Gambar 13: Tangkap layar babak menunjukkan Othman dan Lum bergaduh dengan kelasi kapal                      | 57         |
| Gambar 14: Tangkap layar babak menunjukkan Che Tom memberitahu tentang apa yang Othman fikirkan terhadapnya | 60         |
| Gambar 15: Tangkap layar babak Che Tom turun ke laut mencari Othman   | 61         |
| Gambar 16: Tangkap layar babak menunjukkan Othman   | 62         |

|  |    |
|--|----|
| sedang tidur   |    |
| Gambar 17: Tangkap layar babak menunjukkan Karim memberi nasihat kepada Othman                                   | 63 |
| Gambar 18: Tangkap layar babak menunjukkan Che Tom sedang menahan kemarahan terhadap Othman                      | 65 |
| Gambar 19: Tangkap layar babak menunjukkan Othman berjanji kepada Che Tom  | 67 |
| Gambar 20: Tangkap layar babak menunjukkan Che Tom menerima keputusan Othman                                     | 68 |
| Gambar 21: Tangkap layar babak menunjukkan Che Tom terpaksa menerima keputusan Othman untuk menjadi kelasi kapal | 69 |
| Gambar 22: Tangkap layar babak menunjukkan Omar telah memujuk Che Tom  | 71 |
| Gambar 23: Tangkap layar menunjukkan Che Tom bercakap dengan Omar  | 72 |
| Gambar 24: Tangkap layar menunjukkan perbualan Omar dan Che Tom  | 73 |
| Gambar 25: Tangkap layar babak menunjukkan Othman dan Lum berjaya lari dari pihak Jepun                          | 75 |
| Gambar 26: Tangkap layar babak menunjukkan Lum telah di buang kerja  | 76 |

## Unsur-Unsur Konflik Dan Penyelesaian Dalam Filem *Pulang* Arahkan Kabir Bhatia

### ABSTRAK

Konflik adalah sebuah aspek yang merujuk kepada perbezaan pendapat dalam diri atau masyarakat dimana konflik mempunyai pecahan yang merangkumi konflik intrapersonal, konflik interpersonal, konflik antara kumpulan dan konflik antara negara. Kajian ini juga menunjukkan jenis konflik yang berlaku dalam kehidupan masyarakat berdasarkan filem *Pulang* (2018) arahan Kabir Bhatia yang berlatarbelakangkan tahun 1940-an, mengisahkan tentang seorang kelasi kapal Othman yang ingin mengubah nasib dan kehidupan keluarganya dengan mengikuti pengembaraan berlayar ke merata dunia. Oleh itu, pengaplikasian pendekatan teori konflik John. W. Burton bertujuan untuk membincangkan jenis-jenis konflik dan kaedah penyelesaiannya yang terdapat dalam filem *Pulang* sebagai sumber inspirasi dan ilham pengkaji yang bertujuan untuk mencerminkan segala kejadian yang telah berlaku dalam filem. Kajian ini memfokuskan kepada jenis-jenis konflik dan kaedah-kaedah penyelesaian konflik dalam filem *Pulang* dengan menggunakan kaedah rekabentuk kualitatif. Jelaslah segala perilaku atau aktiviti yang berlaku dalam filem *Pulang* dapat dibincangkan melalui pendekatan konflik dengan merungkai segala konflik yang terdapat di dalam filem *Pulang* di samping memberikan ilmu pengetahuan kepada khalayak.

**Kata Kunci:** konflik, masyarakat, intrapersonal, interpersonal, konflik antara kumpulan, konflik antara negara

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

***Elements Of Conflict And Resolution In The Film Pulang Directed By Kabir Bhatia***

***ABSTRACT***

*Conflict is an aspect that refers to differences of opinion within oneself or society where conflict has breakdowns that include intrapersonal conflict, interpersonal conflict, conflict between groups and conflict between countries. This study also shows the type of conflict that occurs in the life of the community based on the film Pulang (2018) directed by Kabir Bhatia which is set in the 1940s, telling the story of a sailor on the Othman ship who wants to change the fate and life of his family by following an adventure sailing around the world. Therefore, the application of John's Conflict Theory Approach. W. Burton aims to discuss the types of conflicts and their resolution methods found in Pulang film as a source of inspiration for researchers who aim to reflect all the events that have happened in the film. This study focuses on the types of conflict and methods of conflict resolution in the film Pulang by using qualitative design methods. It is clear that all the behaviors or activities that occur in the Pulang. The film can be discussed through a conflict approach by unraveling all the conflicts found in the Pulang movie in addition to providing knowledge to the audience.*

***Keywords:*** *conflict, society, intrapersonal, interpersonal, conflict between groups, conflict between nations*

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.0 Pengenalan

Dalam menghasilkan kajian yang berkualiti, ia memerlukan kepada bentuk kajian dan garis panduan yang tepat, betul dan sesuai dengan kajian yang hendak dikaji. Kajian ini merupakan sebuah kajian terhadap filem Malaysia yang berunsurkan konflik. Kajian ini iaitu berusaha untuk menjelaskan unsur-unsur konflik dalam isi kandungan filem *Pulang* tersebut dan jalan penyelesaian konflik yang paling ideal untuk menanganinya. Dalam bab pendahuluan ini, penulis akan memulakan perbincangan dengan memberikan gambaran awal berkaitan dengan kajian yang merangkumi permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian dan metodologi yang akan digunakan dalam mengumpul dan menganalisis data.

Filem merupakan imej yang terhasil daripada bentuk-bentuk visual bergerak yang mengandungi unsur-unsur penceritaan yang ditulis, diolah dalam bentuk dialog, visual dan bunyi, yang kemudiannya dirakamkan menggunakan kamera, diolah dengan menggunakan berbagai-bagai kepentingan dan matlamat untuk dipamerkan secara tayangan di panggung-panggung wayang dan televisyen (Asiah Sarji, Faridah Ibrahim & Mazni Buyung, 1996). Selain itu, filem juga ditafsirkan sebagai karya seni yang pelbagai dalam menceritakan kisah dan cerminan budaya masyarakat tertentu. Filem merupakan sumber hiburan yang paling mudah didapati dan difahami. Filem juga berpengaruh besar ke atas kelakuan penonton terutamanya golongan remaja dan kanak-kanak serta golongan dewasa. Filem juga mengandungi elemen-elemen yang dapat mempengaruhi psikologi dan emosi seseorang. Tumpuan terhadap filem dari kesan psikologi adalah di antara seni

yang unik di mana kita perlu pelajari melalui perhatian, pergerakan dan ilusi. Namun begitu, ia juga bergantung kepada gaya penyampaian dalam sesebuah filem itu sendiri.

Konflik adalah wujud dalam fitrah manusia dan berkembang secara dinamik seiring dengan kemajuan manusia, oleh itu kedua-duanya berkait rapat (Mohd Fadzilah Kamsah, 1988). Konflik adalah proses interaktif yang ditakrifkan oleh ketidakserasian, salah faham, atau perselisihan faham antara orang dan organisasi telah disebut oleh Elsayed-Ekhouly dan Buda (1996). Deutsch (1990) bersetuju bahawa perselisihan bermula dengan salah faham dan adab buruk. Ini kerana terdapat perselisihan faham dan persetujuan bersama adalah mustahil. Dalam erti kata lain, konflik timbul apabila dua pihak mempunyai kepentingan, nilai, atau pandangan dunia yang berbeza. Apabila orang dari mana-mana kumpulan umur iaitu kanak-kanak, remaja atau orang dewasa mempunyai apa-apa untuk dikatakan yang tidak bersetuju dengan bertentangan pendapat antara satu sama lain (Jensen-Campbell, Gleason & Malcolm 2003).

Di samping itu, terdapat satu badan kesusasteraan yang semakin berkembang dikenali sebagai teori konflik, yang meramalkan bahawa orang dan organisasi akan berusaha menentang satu sama lain untuk memajukan kepentingan mereka sendiri dalam mana-mana komuniti tertentu. Sesebuah filem atau elemen yang bercanggah antara individu, kumpulan dan masyarakat dapat diklasifikasikan sebagai sesebuah karya yang berunsur konflik. Dalam teori konflik ini mempunyai beberapa bahagian antaranya konflik individu, interpersonal, konflik antara kumpulan dan konflik antara negara.

Sebuah cerita menarik apabila mempunyai beberapa jenis konflik yang ada dalam naratifnya. Bagi tujuan kajian ini, pengkaji akan memfokuskan kepada karya sastera naratif yang mana konflik dianggap sebagai unsur yang membentuk kesatuan aksi watak, peristiwa, dan plot cerita. Tidak keterlaluan jika dinyatakan bahawa konflik merupakan bahan utama dalam penciptaan karya sastera. Konflik bukan sekadar ciri sastera

kontemporari sahaja tetapi telah wujud dalam penciptaan karya sastera dari seluruh dunia sejak penubuhannya. Perkara yang sama berlaku untuk penggabungan unsur-unsur ganas ke dalam karya. Sama ada dalam bentuk moden atau tradisional, konflik adalah penting untuk menghidupkan cerita dalam kesusasteraan tempatan.

Menurut Burton (1990), perselisihan faham timbul apabila satu pihak menunjukkan sikap tidak bertoleransi sama ada secara mental atau fizikal terhadap pihak lain. Kedua-dua pihak telah terjejas oleh diskriminasi yang akhirnya mencetuskan pertikaian. Hal ini demikian kerana konflik dianggap dalam karya sastera sebagai kerangka yang membantu mewujudkan kesatuan keseluruhan karya. Hal ini selaras dengan pendapat pakar sastera sendiri iaitu Noriah (1993), yang mendakwa susunan watak yang berbeza secara radikal kerap berperanan sebagai pemangkin konflik yang berkesan. Penonton akhirnya akan kagum dengan cara ketegangan dibina ke dalam naratif melalui watak. Ini berikutan bahawa kehadiran konflik dalam karya sastera menonjolkan kualiti dinamikinya. Selain itu, apabila menilai karya sastera, komponen konflik menjadi pembentuk pergolakan di dalamnya tidak kira sama ada karya itu klasik atau kontemporari kerana konflik adalah berfugsi sebagai tunjang naratif dalam karya sastera.

Terdapat beberapa filem konflik yang ditayangkan di Malaysia. Namun bagi kajian ini, filem *Pulang* (2018) yang diarahkan oleh Kabir Bhatia telah dipilih bagi mengkaji unsur-unsur konflik dan penyelesaian konflik yang terdapat dalam filem tersebut dari pelbagai sudut termasuklah dalam individu, masyarakat, dan negara. Filem berlatarbelakangkan tahun 1940-an, mengisahkan tentang seorang kelasi kapal, Othman yang ingin mengubah nasib dan kehidupan keluarganya dengan mengikuti pengembaraan berlayar ke merata dunia. Sebelum berlayar, dia telah berjanji yang dia akan pulang dengan membawa kekayaan untuk isterinya Che Thom dan anak lelakinya, Omar.

Dengan penuh kesabaran, isterinya akur dengan kepergiannya dan setia menunggu kepulangan suaminya selama 61 tahun.

### **1.1 Permasalahan Kajian**

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis konflik dalam sebuah filem. Hal ini dikatakan demikian kerana, kajian berkaitan konflik terutamanya dalam sebuah filem adalah sangat jarang dikaji. Hal ini kerana, para pengkaji terdahulu lebih tertumpu kepada kajian dalam isu-isu yang terkini sahaja. Dalam kajian konflik, pengkaji dapat memberikan sebab dan cara penyelesaian konflik. Selain itu, konflik sangat penting dalam dunia perfileman kerana konflik dapat menjadikan sebuah filem itu tidak membosankan untuk ditonton. Sebuah filem tidak akan terhasil dengan hebat sekiranya tidak berlaku konflik dalam filem tersebut. Oleh itu, kajian terhadap konflik sangat penting untuk dikaji kerana konflik salah satu sumbangan untuk menjadikan sebuah filem itu nampak hebat dan menarik.

Selain itu, kajian ini dilakukan adalah disebabkan filem *Pulang* kurang dikaji oleh para pengkaji. Filem *Pulang* yang dikeluarkan pada tahun 2018 arahan Kabir Bhatia merupakan filem yang mendapat sambutan agak memberangsangkan dalam dunia perfileman tempatan. Oleh sebab itu, tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji unsur-unsur konflik dalam filem *Pulang* kerana filem *Pulang* adalah salah satu filem yang mempunyai banyak konflik antara watak dalam filem tersebut. Kajian terhadap filem *Pulang* juga adalah untuk mengangkat konflik dan penyelesaian yang terdapat dalam filem yang dikaji iaitu filem *Pulang*.

Di samping itu, kajian ini bertujuan adalah untuk menarik minat para penerbit untuk menghasilkan lebih banyak filem yang berunsurkan konflik dan cara penyelesaian konflik tersebut serta kesan buruk sekiranya berlaku konflik dalam kalangan masyarakat.

Hal ini disebabkan, filem yang mempunyai konflik dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang keburukan konflik sekiranya berlaku dalam masyarakat terutamanya masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.

## **1.2 Objektif Kajian**

Terdapat beberapa objektif yang ingin dicapai di dalam menjalankan kajian ini iaitu:

- i. Mengenal pasti jenis-jenis konflik di dalam filem *Pulang*
- ii. Menganalisis kaedah-kaedah penyelesaian konflik dalam filem *Pulang*

## **1.3 Persoalan Kajian**

Bagi mengukuhkan kajian, terdapat beberapa persoalan kajian yang ingin diketengahkan dalam usaha untuk menjalankan kajian ini. Antara persoalan kajian ini adalah seperti berikut.

- i. Apakah jenis-jenis konflik yang terdapat di dalam filem *Pulang*
- ii. Bagaimanakah konflik yang terdapat di dalam filem *Pulang* diselesaikan.

## **1.4 Batasan Kajian**

Secara amnya, kajian ini tertumpu kepada sesebuah filem berunsurkan konflik yang diterbitkan pada tahun 2018 iaitu filem *Pulang*. Filem tersebut dijadikan sebagai salah satu bahan kajian yang mewakili filem-filem konflik di Malaysia bagi menjalankan sebuah kajian yang berkaitan dengan konflik dalam sebuah filem.

Mengikut kesesuaian objektif kajian, kajian ini terbatas kepada filem-filem berunsur konflik yang telah dipilih dan dihasilkan oleh industri perfileman tempatan iaitu di dalam Malaysia sahaja. Kajian ini juga sememangnya terbatas kepada pengetahuan

mengenai jenis-jenis konflik dan jalan penyelesaiannya dalam filem tersebut. Jenis konflik yang terdapat dalam watak-watak filem *pulang*.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan teori konflik yang terdapat dalam filem berdasarkan filem yang hendak dikaji iaitu filem *Pulang*. Terdapat banyak konflik yang disebut semasa membincangkan konflik. Konflik tersebut ialah konflik individu iaitu konflik yang bersifat persendirian. Biasanya berlaku disebabkan dalam kehidupan seharian individu yang membawa kepada perubahan emosi seseorang disebabkan persekitaran sekeliling. Jenis konflik seterusnya ialah konflik interpersonal, yang boleh berlaku antara dua individu atau antara individu dan kumpulan. Konflik kumpulan, sebaliknya, merujuk kepada pertenggaran antara dua kumpulan di dalam organisasi yang sama. Akhir sekali, kajian ini adalah bertujuan untuk menunjukkan adakah konflik dalam filem tersebut dapat diselesaikan.

### **1.5 Kepentingan Kajian**

Kajian ini dijalankan adalah untuk meneliti aspek-aspek konflik dalam filem yang dipilih iaitu *Pulang*. Hal ini kerana, pengkaji dapat menjelaskan jenis konflik yang diperolehi melalui filem ini. Salah satu komponen utama yang memberikan "kehidupan" karya sastera ialah kajian berkaitan konflik. Kehadiran konflik dalam jalan cerita juga akan bersifat lebih kompleks dalam karya sastera. Melalui kajian ini juga, pengkaji dapat mengetahui adanya konflik dalam filem ini serta bagaimana konflik tersebut dapat diselesaikan.

Selain itu, kajian terhadap konflik dan penyelesaian dalam filem ini ialah salah satu perkara yang jarang diambil perhatian oleh pengkaji atau masyarakat. Kajian ini diharapkan mampu memberikan pendedahan kepada semua masyarakat dan boleh dijadikan panduan kepada pengkaji lain yang ingin mendalami dan mengkaji konflik dalam filem terutamanya filem tempatan pada masa akan datang. Ia juga akan memberi

kesedaran kepada masyarakat tentang konflik yang berlaku dalam masyarakat dan cara untuk menyelesaikan konflik tersebut.

Seterusnya, kajian ini dilaksanakan bagi menambah kajian berkaitan dengan bidang-bidang kesusasteraan. Hal ini dikatakan demikian kerana, kajian terhadap karya sastera sangat kurang diambil oleh golongan masyarakat kerana mereka anggap karya sastera hanya untuk hiburan semata-mata sahaja. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat bahawa pentingnya karya sastera kepada masyarakat kerana karya sastera dapat menyampaikan mesej tentang isu-isu masyarakat yang berlaku pada masa ini.

Di samping itu, kajian ini dilakukan untuk menambah pengetahuan para pelajar universiti untuk menambah pengetahuan tentang konflik dalam sebuah filem. Para pelajar akan lebih mudah untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan konflik-konflik dalam sebuah filem. Oleh itu, dengan adanya kajian konflik dalam sebuah filem, para pelajar universiti akan mudah untuk membuat kajian yang akan datang tentang kajian konflik dalam filem.

Akhir Sekali, pengkaji dapat mengangkat konflik yang terdapat dalam filem *Pulang* ini untuk dijadikan pengajara dan kesedaran kepada golongan masyarakat tentang keburukan konflik. Konflik yang terdapat dalam filem ini adalah salah satu konflik yang terjadi dalam masyarakat pada hari ini. Oleh itu, pengkaji dapat membincangkan tentang terjadinya konflik dalam filem yang hendak dikaji dan cara penyelesaiannya. Kajian ini dapat membantu golongan masyarakat dalam menyelesaikan konflik melalui kajian yang dilakukan.

## **1.6 Metodologi Kajian**

Pada dasarnya, kajian yang dilakukan ini telah menggunakan teori dan beberapa kaedah. Antaranya ialah :

### **1.6.1 Kaedah Kualitatif**

Pengkaji menggunakan beberapa pendekatan yang berbeza untuk menyediakan dan melengkapkan kajian ini untuk mengumpulkan fakta dan data yang diperlukan. Bagi menyiapkan kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif. Metodologi analisis data dan kualitatif digunakan dalam kajian ini. Maklumat tersebut diperoleh daripada jenis konflik yang digambarkan dalam filem *Pulang* (2008) arahan Kabir Bhatia. Data tersebut kemudiannya dianalisis berdasarkan strategi pendekatan teori konflik Burton untuk menyelesaikan konflik (1969). Data dikaji secara terang-terangan dan tersirat untuk memahami isi cerita dan konflik yang terdapat dalam peristiwa tersebut menggunakan proses analisis jalan cerita. Penerangan dan analisis jenis konflik serta gaya pengurusan konflik dapat dilihat melalui pendekatan kualitatif.

### **1.6.2 Kajian Analisis Visual**

Kaedah pemerhatian adalah salah satu kaedah kajian yang digunakan untuk melihat konflik dalam sebuah filem tersebut. Pemerhatian juga merupakan alternatif yang ada dalam mengumpul maklumat. Melalui pemerhatian ini, pengkaji dapat mengetahui jenis-jenis konflik serta penyelesaian konflik yang terdapat dalam filem yang hendak dikaji. Peranan pengkaji juga adalah sebagai pemerhati terhadap perubahan-perubahan dan melihat tingkah laku dalam watak filem tersebut. Bagi mendapatkan data, pengkaji menonton filem itu sendiri bagi memastikan adanya konflik dalam jalan cerita filem yang hendak dikaji iaitu filem *Pulang* dalam memenuhi objektif kajian.

### **1.6.3 Kaedah Kepustakaan**

Kaedah kepustakaan telah digunakan dalam mendapatkan dan merujuk maklumat. Data-data kajian yang berkenaan teori konflik dan penyelesaian. Pengkaji telah membuat rujukan di Perpustakaan UMK dan Perpustakaan Awam Kota Bharu bagi mencari maklumat yang terdapat di perpustakaan tersebut.

### **1.6.4 Kaedah Carian Internet**

Kajian ini menggunakan kaedah internet dalam mendapatkan maklumat tambahan dalam membantu mendapatkan rujukan atau maklumat yang diperlukan. Melalui kaedah ini dapat menambah lagi ilmu yang terdapat dalam perpustakaan tadi.


### **1.6.5 Kerangka Kajian**

Teori konflik yang digunakan di dalam kajian ini ialah Teori Konflik daripada J.W Burton.

### **1.6.6 Analisis Teori**

Terdapat banyak konflik yang disebut semasa membincangkan konflik. Konflik tersebut ialah konflik individu iaitu konflik yang bersifat persendirian. Biasanya berlaku disebabkan dalam kehidupan seharian individu yang membawa kepada perubahan emosi seseorang disebabkan persekitaran sekeliling. Jenis konflik seterusnya ialah konflik interpersonal, yang boleh berlaku antara dua individu atau antara individu dan kumpulan. Konflik kumpulan, sebaliknya, merujuk kepada pertengkaran antara dua kumpulan di dalam organisasi yang sama. Dan yang terakhir adalah konflik antara negara. Akhir sekali, kajian ini adalah bertujuan untuk menunjukkan sama ada konflik dalam filem tersebut dapat diselesaikan.

Konflik adalah wujud dalam fitrah manusia dan berkembang secara dinamik seiring dengan kemajuan manusia, oleh itu kedua-duanya berkait rapat. Konflik adalah proses interaktif yang ditakrifkan oleh ketidakserasian, salah faham, atau perselisihan faham antara orang dan organisasi telah disebut oleh Elsayed-Ekhouly dan Buda (1996). Deutsch (1990) bersetuju bahawa perselisihan bermula dengan salah faham dan adab buruk. Ini kerana terdapat perselisihan faham dan persetujuan bersama adalah mustahil. Konflik berlaku dalam kalangan masyarakat disebabkan oleh perselisihan faham antara individu dengan individu yang lain. Selain itu, konflik juga boleh berlaku antara individu dengan kumpulan yang lebih besar dan konflik juga boleh berlaku antara negara seperti perebutan wilayah



**Rajah 1:** Kerangka Teori Konflik

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan teori konflik yang dikemukakan oleh J.W Burton yang merangkumi Konflik Interpersonal, Konflik Intrapersonal, Konflik antara kumpulan dan konflik antara negara. Konflik tersebut digunakan dalam kajian ini adalah bagi mengangkat konflik-konflik yang terdapat dalam filem *Pulang*.

## 1.7 Organisasi Kajian

Dalam bab satu mengandungi tentang pengenalan yang membincangkan topik berikut seperti pengenalan yang membincangkan secara ringkas tentang definisi filem dan penerangan serba sedikit tentang teori yang saya gunakan dalam kajian saya serta dalam pengenalan juga terdapat sedikit sinopsis tentang filem yang dikaji. Selain itu, terdapat permasalahan kajian yang terdapat dalam bab satu iaitu menerangkan tentang masalah yang dihadapi dalam kajian. Seterusnya, objektif kajian juga turut dibincangkan dalam bab ini bagi mencapai matlamat kajian saya selaras dengan objektif yang saya gunakan dan objektif tersebut juga adalah salah satu hala tuju kajian. Selanjutnya, skop dan batasan kajian membincangkan berkaitan teori yang saya gunakan dalam kajian ini yang merangkumi jenis konflik dan cara penyelesaian konflik. Di samping itu, dalam bab ini juga terdapat kepentingan kajian yang membincangkan berkaitan kajian yang dilakukan dapat bermanfaat kepada individu, masyarakat dan negara. Akhir sekali, terdapat juga metodologi kajian yang menerangkan tentang kaedah yang digunakan dalam melakukan kajian ini. Pendekatannya adalah kaedah kualitatif seperti menggunakan kaedah kepustakaan untuk mendapatkan maklumat berkaitan kajian yang dilakukan. Kaedah analisis filem juga telah digunakan dalam kajian ini berdasarkan filem *Pulang* yang dikeluarkan pada tahun 2018 arahan Kabir Bhatia. Kajian ini juga menggunakan pendekatan teori konflik daripada J.W Burton untuk meneliti tentang konflik dan penyelesaiannya. Dan yang terakhir dalam bab ini adalah organisasi kajian iaitu huraian di setiap bab satu sehingga bab lima.

Selain itu, dalam bab dua telah membincangkan berkaitan dengan kajian lepas berkaitan dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu yang berkait rapat dengan tajuk kajian yang dilakukan seperti aspek konflik dalam karya kesusasteraan

melayu kontemporari dan kajian tentang teori konflik dan penyelesaian dalam filem pulang.

Dalam bab tiga menerangkan tentang teori yang digunakan. Teori yang digunakan dalam kajian adalah teori yang diasaskan oleh John W. Burton. Terdapat empat kategori teori konflik beliau iaitu yang pertama konflik intrapersonal. Kedua, konflik interpersonal, ketiga konflik antara kumpulan dan yang keempat konflik antara negara.

Dalam bab empat, menerangkan tentang analisis dan dapatan kajian. Dapatan kajian terbahagi kepada dua bahagian melalui dua objektif kajian iaitu mengenalpasti jenis-jenis konflik dan yang kedua menganalisis kaedah-kaedah penyelesaian konflik. Hal ini kerana, terdapat 3 kategori konflik yang dijumpai berdasarkan kajian filem *Pulang* iaitu konflik intrapersonal, konflik interpersonal dan konflik antara kumpulan.

Dalam bab lima, menerangkan tentang keseluruhan dan kesimpulan kajian. Bab ini juga merupakan bab yang terakhir bagi Projek Penyelidikan 2 dengan menyimpulkan keseluruhan kajian secara ringkas berdasarkan tajuk kajian. Dalam bahagian kesimpulan, pengkaji juga meletakkan nasihat dan pengajaran dalam menambahkan ilmu pengetahuan dalam bagi mereka yang ingin membuat kajian berkaitan konflik.

## 1.8 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, filem *Pulang* merupakan filem melayu yang dikeluarkan pada tahun 2018. Ia mengisahkan tentang seorang suami yang berjuang untuk bertahan hidup semasa berada di luar negara. Manakala isterinya sanggup menunggu bertahun-tahun. Tambahan pula, tidak dapat dinafikan bahawa konsep penghasilan filem oleh industri perfileman Malaysia mengalami banyak konflik dalam jalan cerita atau isi kandungan cerita tersebut. Penghasilan filem yang berunsurkan konflik juga untuk memberi kesedaran kepada masyarakat dalam menunjukkan kesan buruk sekiranya sering berlaku konflik antara satu sama lain. Sesebuah filem yang dihasilkan dapat diklasifikasikan sebagai filem berunsurkan konflik jika terdapat pergaduhan atau perbezaan pendapat beberapa watak dalam filem tersebut.

Selain itu, penghasilan filem-filem di Malaysia, khususnya filem *Pulang* yang diarahkan oleh Kabir Bhatia mempunyai beberapa konflik yang terdiri daripada konflik individu, kumpulan dan negara yang perlu dikaji bagi mengetahui sama ada filem *Pulang* boleh diklasifikasikan sebagai filem yang mengandungi konflik dari segi jenis-jenis konflik dan cara penyelesaiannya. Disamping itu, metodologi kajian merupakan satu bab yang penting dan memberi pendedahan secara jelas mengenai maklumat-maklumat dan bahan kajian lain yang membantu dan menjadi bahan sokongan bagi kajian yang dilakukan oleh pengkaji.

## **BAB 2**

### **SOROTAN KAJIAN LEPAS**

#### **2.0 Pengenalan**

Dalam sorotan kajian lepas, ia merupakan sumber daripada beberapa maklumat yang diperolehi dari buku, jurnal, akhbar dan majalah. Beberapa sorotan awal yang telah di buat terhadap penulisan yang berkaitan dengan tajuk kajian. Kajian-kajian lepas berikut adalah seperti di bawah :

#### **2.1 Kajian Tentang Konflik**

Dian Bagus Mitreka Satata & Methania Aris Shusantie menulis jurnal pada tahun 2021 yang bertajuk analisis hubungan interpersonal dalam filem 'tilik' pada perspektif psikologi. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis filem 'Tilik' dari sudut teori psikologi hubungan interpersonal. Kaedah kajian ini adalah Pendekatan kualitatif mendedahkan fenomena psikologi melalui prosedur dan data. Dapatan kajian didapati bahawa terdapat banyak konflik dalam cerita dan gangguan psikologi yang berlaku semasa proses interaksi kumpulan, yang mencetuskan emosi setiap kali menonton kerana prasangka dan stereotaip timbul dalam kumpulan masyarakat serta konflik dan gangguan mencetuskan emosi dalam kumpulan sosial. Seterusnya, Terdapat Perbezaan yang dilakukan oleh kajian Methania Aris Shusantie pada tahun 2021 adalah beliau mengkaji hubungan interpersonal dalam teori psikologi manakala pengkaji pula mengkaji berkaitan dengan teori konflik yang terdapat dalam filem *Pulang* arahan Kabir Bhatia yang ditayangkan pada tahun 2018. Oleh yang demikian, sedikit sebanyak kajian ini membantu pengkaji untuk menyelesaikan permasalahan dan objektif kajian.

Azlina Asaari dan Jamaluddin Aziz menulis jurnal pada tahun 2017 yang bertajuk Konflik Semiotik dan Simbolik dalam Hubungan Ibu dan Anak Perempuan dalam Filem

Seram Kontemporari Melayu: Kajian Kes Filem Senjakala. Objektif kajian ini adalah meneliti konflik semiotik dan simbolik dalam hubungan ibu dan anak perempuan dalam filem seram kontemporari Melayu, Senjakala (2011) arahan Ahmad Idham. Seterusnya, Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah pendekatan kualitatif yang menggunakan analisis tekstual. Dapatan kajian yang diperolehi dalam kajian ini adalah memberi ruang kepada wanita untuk berkuasa dan mengganggu-gugat ideologi. Hal ini, konflik semiotik dan simbolik ini membuktikan bahawa ideologi dominan patriarki tidak sestabil seperti yang dikatakan. Terdapat persamaan yang dilakukan oleh kajian Azlina Asaari dan Jamaluddin Aziz pada tahun 2017 adalah beliau memberikan fokus kepada konflik dalam filem seram Kontemporari Melayu dengan menggunakan teori feminis Manakala pengkaji pula memberikan penekanan terhadap filem *Pulang* arahan Kabir Bhatia dengan menggunakan teori konflik. Oleh yang demikian, kajian ini juga membantu pengkaji untuk menyelesaikan permasalahan kajian dan objektif kajian ini.

Putri Juita, Tantri Saraswati dan Rudiansyah menulis jurnal pada tahun 2021 yang bertajuk Analisis keperibadian dan konflik dalam watak utama dalam filem pendek *Dí Dá* karya Ryan Tan. Objektif kajian ini adalah menghuraikan struktur personaliti dan konflik dalam watak utama dalam filem pendek *Dí Dá* karya Ryan Tan. Kaedah Kajian ini adalah kaedah deskriptif kualitatif. Seterusnya, dapatan kajian yang diperolehi dalam kajian ini adalah watak utama mempunyai personaliti yang mementingkan diri sendiri, berasa tidak bernasib baik, dan penuh penyesalan. Hal ini, konflik dalaman yang dialami watak itu tergambar dalam lirik lagu yang ditulisnya yang memuatkan bagaimana dia pada mulanya berasa tidak bernasib baik dan menyesal dengan perbuatannya terhadap ibunya. Perbezaan yang terdapat di dalam kajian ini adalah beliau menganalisis keperibadian dan konflik dalam watak utama filem pendek *Dí Dá* karya Ryan Tan dengan menggunakan teori psikoanalisis manakala pengkaji pula mengkaji filem yang diarahkan oleh Kabir

Bhatia pada tahun 2018 yang bertajuk *Pulang* analisis jenis konflik dan penyelesaiannya dengan menggunakan teori konflik.

Raniya Putri Thalita menulis kajian ini pada tahun 2022 yang bertajuk konflik Interpersonal tokoh Koharu Fukuura Pada Filem Aishuu Shinderera karya Ryohei Watanabe. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis usaha watak Koharu Fukuura untuk mengatasi konflik interpersonal yang dialaminya dengan teori psikoanalisis sosial Karen Horney dan struktur naratif filem Pratista. Kaedah kajian ini menggunakan kaedah kualitatif deskriptif. Dapatan kajian yang diperolehi dalam kajian ini adalah Koharu adalah individu neurotik yang mempunyai konflik interpersonal dengan Hikari dan Daigo. Dia penuh belas kasihan, rendah hati dan memahami, menjangkau orang lain untuk mengatasi konflik. Ini menunjukkan bahawa dia mempunyai keperluan neurotik untuk cinta dan penerimaan diri. Seterusnya, perbezaan yang terdapat dalam kajian ini adalah beliau menggunakan teori psikoanalisis sosial dalam menganalisis usaha watak Koharu Fukuura untuk mengatasi konflik interpersonal manakala pengkaji pula menggunakan teori konflik dalam filem *Pulang* dengan menganalisis konflik dan penyelesaiannya.

Sicka Melinda menulis kajian ini pada tahun 2020 yang bertajuk konflik sosial antara tokoh dalam novel *Jizeru* karya Akiyoshi Rikako pendekatan sosiologi sastera. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis konflik sosial yang berlaku dalam novel *Jizeru* karya Akiyoshi Rikako dengan pendekatan intrinsik dan ekstrinsik. Kaedah kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Dapatan kajian yang diperolehi dalam kajian ini adalah mendapati bahawa aksi sosial dalam novel *Jizeru* berbentuk konflik sosial antara watak dalam novel ini menyebabkan hubungan sosial mereka tidak baik. Seterusnya, terdapat perbezaan kajian yang dilakukan oleh Sicka Melinda pada tahun 2020 adalah beliau memberikan fokus kepada konflik sosial yang berlaku dalam novel *Jizeru* karya

Akiyoshi Rikako dengan pendekatan intrinsik dan ekstrinsik iaitu pendekatan sosiologi kesusasteraan dengan teori sosiologi Max Weber. manakala pengkaji pula memberikan penekanan terhadap teori konflik J.W. Burton dalam filem pulang dengan analisis aspek konflik dan penyelesaiannya.

Aminnudin Saimon dan Zaitul Azma Zainon Hamzah menulis jurnal pada tahun 2019 yang bertajuk Penggunaan kiasan dalam plot konflik filem: Satu analisis pragmatik. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis penggunaan bahasa kiasan dalam plot konflik menggunakan pendekatan pragmatik. Kaedah kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Dapatan kajian yang diperolehi dalam kajian ini adalah mendapati bahasa kiasan banyak diungkapkan dalam plot konflik bagi menyatakan kekecewaan, perkelahian dan ketidakpuasan hati serta membuktikan bahawa pengungkapan bahasa kiasan dapat difahami oleh komunikator berdasarkan teori pragmatik. Terdapat perbezaan kajian yang dilakukan oleh Aminnudin Saimon dan Zaitul Azma Zainon Hamzah pada tahun 2019 adalah beliau memberikan fokus kepada pendekatan pragmatik melalui penggunaan kiasan dalam plot konflik filem manakala pengkaji pula memberikan penekanan terhadap pendekatan konflik terhadap filem pulang dalam jenis konflik dan penyelesaiannya. Oleh yang demikian, kajian ini juga membantu pengkaji untuk menyelesaikan permasalahan kajian dan objektif kajian ini.

Nurhayati Diyana binti Musa menulis kajian ini pada tahun 2015 yang bertajuk Konflik-konflik Dalam Drama Shaharom Husain. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti kewujudan konflik dalam drama Shaharom Husain dan menganalisis konflik yang terdapat dalam drama Shaharom Husain. Kaedah kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Dapatan kajian yang diperolehi di dalam kajian ini adalah aspek konflik kekuasaan meliputi persoalan konflik permusuhan dalam kalangan pembesar, konflik penyalahgunaan kuasa, konflik mempertahankan kuasa dan konflik perebutan kuasa.

Terdapat perbezaan kajian yang dilakukan oleh Nurhayati Diyana binti Musa pada tahun 2015 adalah beliau memberikan fokus kepada konflik dalam drama Shaharom Husain manakala Pengkaji pula memberikan penekanan terhadap konflik dan penyelesaian dalam filem *Pulang* (2018).

Siradjuddin menulis artikel jurnal pada tahun 2015 yang bertajuk Akar-akar Konflik Fundamental Perspektif Ekonomi Politik. Objektif kajian ini adalah untuk memerihalkan pengurusan penyelesaian konflik dalam perspektif ekonomi politik. Kaedah kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Dapatan kajian yang diperolehi di dalam kajian ini adalah dapat menjelaskan apa yang berlaku dalam masyarakat berbilang etnik, walaupun diakui bahawa setiap teori pertama yang menjelaskan fenomena yang berlaku mempunyai kelemahan. Setiap kumpulan etnik di Masyarakat majmuk berpotensi untuk melaksanakan integrasi dan konflik, maka perlunya pengurusan konflik yang boleh memanipulasi masyarakat agar lebih bersepadu. Terdapat perbezaan kajian yang dilakukan oleh Siradjuddin pada tahun 2015 adalah beliau mengkaji akar-akar konflik Fundamental dalam ekonomi politik manakala pengkaji pula memfokuskan kepada konflik dan penyelesaian dalam filem *Pulang* (2018).

Uzzaiman Aliff bin Azman menulis kajian pada tahun 2022 yang bertajuk Pendekatan Teori Konflik dalam Pertelingkahan Watak menerusi Skrip Drama Mayat (1970). Objektif kajian ini adalah menganalisis faktor-faktor berlakunya pertelingkahan watak, dan membincangkan berlakunya pertelingkahan watak menggunakan pendekatan teori konflik sebagai sandaran kajian dan, akhirnya membuktikan kewajaran pertelingkahan watak tersebut dengan menggunakan teori konflik Karl Marx. Kaedah kajian ini adalah menggunakan kaedah kualitatif deskriptif. Dapatan kajian yang diperolehi dalam kajian ini menunjukkan berlakunya masalah kelas sosial yang berlaku dalam kehidupan kita seperti mana yang dikemukakan oleh teori konflik Karl Marx dan

kewujudan birokrasi dalam sesuatu pengurusan. Perbezaan yang terdapat di dalam kajian ini adalah beliau menggunakan teori konflik Karl Marx dalam pertelingkahan watak menerusi Skrip Drama Mayat (1970) manakala pengkaji menggunakan teori konflik J.W Burton dari aspek jenis konflik dan penyelesaiannya dalam filem *Pulang* (2018).

Fransiskus Dinang Raja menulis kajian pada tahun 2014 yang bertajuk Konflik Para Tokoh dalam Drama Die Räuber Karya Friedrich Von Schiller:Kajian Psikoanalisis. Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk menghuraikan bentuk dan penyelesaian konflik watak dalam drama Die Räuber karya Friederich von Schiller. Kaedah kajian ini adalah menggunakan kaedah kualitatif deskriptif. Dapatan kajian yang diperolehi dalam kajian ini adalah bentuk konflik watak dalam drama Die Räuber terdiri daripada konflik dalaman dan konflik luaran. Perbezaan yang terdapat di dalam kajian ini adalah beliau memfokuskan terhadap konflik tokoh dalam drama Die Rauber Karya Friedrich Von Schiller manakala pengkaji pula memberikan penekanan terhadap konflik dan penyelesaiannya dalam filem *Pulang* (2018) arahan Kabir Bhatia.

Ayu Wulandari Sulistiyo menulis kajian pada tahun 2018 yang bertajuk Analisis Konflik Tokoh Utama Dalam Drama Jepang Watashi Ni Koi Shita Ikemen Sugiru Obousan:Kajian Psikologi Sastra Terhadap Teks Drama. Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk membahas konflik yang terjadi pada tokoh utama dan penyebab konflik pada tokoh utama drama Watashi Ni Koi Shita Ikemen Sugiru Obousan. Kaedah kajian ini adalah menggunakan kaedah kualitatif deskriptif. Dapatan kajian yang diperolehi dalam kajian ini adalah konflik yang berlaku dalam watak utama drama Watashi Ni Koi Shita Ikemen Sugiru Obousan terdiri daripada dua jenis iaitu konflik dalaman dan konflik luaran serta punca konflik watak utama drama Watashi Ni Koi Shita Ikemen Sugiru Obousan, dipengaruhi oleh kehadiran pihak lain. Perbezaan yang terdapat dalam kajian ini adalah beliau memfokuskan konflik dalam Drama Jepang Watashi Ni Koi Shita

Ikemen Sugiru Obousan manakala pengkaji pula memberi penekanan terhadap konflik dalam filem *Pulang* (2018).

Maizatul Azura Yahya, Ainal Akmar Ahmad, Nasihah Hashim dan Arina Johari menulis jurnal pada tahun 2022 yang bertajuk Unsur Konflik dalam Kartun ‘Aku Budak Minang’: Kajian dari Perspektif Psikologi. Objektif kajian ini adalah mengklasifikasikan dan menganalisis unsur konflik yang terdapat dalam kartun ‘Aku Budak Minang’ daripada perspektif psikologi menggunakan teori Humanistik Abraham Maslow. Kaedah kajian ini adalah menggunakan kaedah kualitatif. Dapatan kajian yang diperolehi dalam kajian ini adalah mendapati teks kartun ini menyentuh tentang aspek konflik seperti konflik keluarga, konflik diri dan konflik rakan sebaya. Seterusnya, Terdapat perbezaan kajian yang dilakukan iaitu beliau memfokuskan unsur konflik dalam kartun Aku Budak Minang manakala pengkaji pula memberi pendedahan terhadap jenis konflik dan penyelesaiannya dalam filem *Pulang* (2018).

Siti Soleha menulis jurnal pada tahun 2022 yang bertajuk Konflik Politik dalam Drama Seri Korea Snowdrop Karya Sutradara Jo Hyun Tak: Kajian Sosiologi Sastra. Objektif kajian ini adalah untuk menggambarkan konflik politik dalam Drama Korea bersiri Snowdrop oleh pengarah Jo Hyun Tak. Kaedah kajian ini adalah menggunakan kaedah kualitatif. Dapatan kajian yang diperolehi dalam kajian ini adalah menunjukkan bentuk dan faktor penyebab konflik politik dalam drama Korea bersiri Snowdrop oleh pengarah Jo Hyun Tak. Terdapat dua bentuk konflik politik iaitu konflik mendatar dan konflik menegak. Seterusnya, terdapat perbezaan kajian yang dilakukan oleh Siti Soleha pada tahun 2022 adalah beliau memberikan fokus kepada konflik politik dalam drama Seri Korea Snowdrop manakala pengkaji pula memberikan penekanan terhadap jenis konflik dan penyelesaiannya dalam filem yang bertajuk *Pulang* (2018).

Frisilia Desti Irmawati menulis jurnal pada tahun 2015 yang bertajuk Konflik Sosial dalam Naskah Drama Berjudul Petang di Taman Karya Iwan Simatupang dan Satu Bangku Dua Laki-laki Karya Triyono: Kajian Intertekstual dan Implementasinya Sebagai Bahan Ajar Sastra di Sma. Objektif kajian ini adalah untuk konflik sosial daripada Naskah Petang di Taman karya Iwan Simatupang dan Satu Bangku Dua Lelaki oleh Triyono dengan kajian Intertekstual. Kaedah kajian ini adalah menggunakan kaedah kualitatif. Dapatan kajian yang diperolehi dalam kajian ini adalah konflik sosial dapat dianalisis dalam kedua-dua teks ini iaitu konflik peribadi dan interpersonal, konflik kepentingan, konflik realistik dan tidak realistik, konflik yang merosakkan dan konstruktif, bidang konflik kehidupan (ekonomi, perniagaan, politik, agama, dan keluarga) Seterusnya, hubungan intertekstual konflik sosial kedua-dua teks ini, iaitu peribadi, interpersonal, dan keluarga. Perbezaan kajian yang dilakukan dalam kajian ini adalah beliau memberikan fokus terhadap konflik sosial dalam Naskah Drama dengan kajian intertekstual manakala pengkaji pengkaji pula memberikan penekanan terhadap pendekatan konflik J.W Burton dalam mengkaji aspek konflik serta penyelesaiannya dalam filem *Pulang* (2018).

Margaretha Ervina Sipayung menulis kajian pada tahun 2016 yang bertajuk “Konflik Sosial dalam Novel Maryam Karya Okky Madasari: Kajian Sosiologi Sastra”. Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis konflik sosial yang terjadi dalam novel Maryam karya Okky Madasari. Kajian ini hanya menggunakan novel Maryam karya Okky Madasari. Reka bentuk kajian ini adalah menggunakan kaedah kualitatif deskriptif iaitu dengan menganalisis kajian struktural yang meliputi aspek-aspek alur, tokoh dan penokohan serta latar. Kajian ini menggunakan teori konflik sosial yang menfokuskan novel Maryam. Dalam novel ini, terdapat konflik sosial yang timbul akibat perbezaan pandangan dan kepercayaan antara kelompok masyarakat. Konflik sosial ini mencerminkan ketidakadilan dan sikap tidak bertoleransi dalam masyarakat, di mana

orang cenderung untuk mendiskriminasi dan menilai orang lain berdasarkan latar belakang atau kepercayaan mereka. Dalam konteks ini, penulis telah berjaya menggambarkan kerumitan dan kepelbagaian konflik sosial yang wujud dalam masyarakat. Justeru itu, novel ini telah memberi peluang kepada pembaca merenung tentang kepentingan toleransi, persefahaman, dan menghormati perbezaan dalam masyarakat bagi mengelakkan konflik sosial yang memudaratkan daripada berlaku.

## **2.2 Kajian Terhadap Teori Konflik J.W Burton**

Sudirman Kiffli menulis artikel jurnal pada tahun 2020 yang bertajuk Kehadiran Konflik Dalam Teks Syair Siti Zubaidah Perang China. Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk menganalisis kehadiran konflik yang terdapat di dalam teks ini dengan bersandarkan kepada pendekatan John W. Burton. Kaedah kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Dapatan kajian yang diperolehi di dalam kajian ini adalah konflik merupakan salah satu elemen terpenting yang menjadikan sesebuah karya sastera itu sebagai 'hidup'. Terdapat persamaan kajian yang dilakukan oleh Sudirman Kiffli pada tahun 2020 adalah beliau menggunakan pendekatan konflik John W. Burton dalam teks Syair Siti Zubaidah Perang China manakala Pengkaji juga menggunakan pendekatan konflik John W. Burton dalam sebuah filem *Pulang* (2018).

I Nyoman Sudira menulis jurnal ini pada tahun 2022 yang bertajuk Resolusi Konflik Sebagai Jalan Perdamaian Di Tanah Papua. Objektif kajian ini adalah untuk mencari punca utama konflik yang berlaku dan penyelesaian konflik serta kemampuan serta kemampuan untuk memanfaatkan semua peluang sebagai modal utama dalam membangunkan keamanan di tanah Papua. Kaedah kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Dapatan kajian yang diperolehi dalam kajian ini adalah tentang pentingnya dialog sebagai medium atau cara untuk menghadirkan pihak mencari persefahaman

sebagai asas untuk menentukan langkah menyelesaikan masalah. Terdapat persamaan kajian yang dilakukan oleh I Nyoman Sudira pada tahun 2022 adalah beliau menggunakan teori konflik J.W Burton untuk mencari punca konflik dan penyelesaian konflik manakala pengkaji juga menggunakan teori konflik J.W Burton dalam mencari konflik dan penyelesaian dalam filem *Pulang*. Dengan itu, kajian beliau ini sedikit sebanyak membantu pengkaji untuk menyelesaikan permasalahan dan objektif kajian ini.

Yayah Fitriyah dan Anggun Puspitasari menulis artikel jurnal ini pada tahun 2017 yang bertajuk *Diplomasi Jepang Terhadap Rusia dalam Penyelesaian Sengketa Kepulauan Kuril Selatan Pada Masa Pemerintahan Shinzo Abe (2012-2016)*. Objektif kajian ini adalah untuk menerangkan diplomasi Jepun terhadap Rusia untuk menyelesaikan pertikaian Kepulauan Kuril Selatan semasa pemerintahan Shinzo Abe (2012-2016). Kaedah kajian ini adalah menggunakan kaedah kualitatif. Dapatan kajian yang diperolehi dalam kajian ini adalah mengurangkan ketegangan antara Jepun dan Rusia yang disebabkan oleh pertikaian ke atas Kepulauan Kuril selatan melalui teori penyelesaian konflik dan teori diplomasi. Terdapat persamaan kajian yang dilakukan oleh Yayah Fitriyah dan Anggun Puspitasari pada tahun 2017 adalah beliau menggunakan teori penyelesaian konflik J.W Burton dalam menyelesaikan konflik antara Jepun dan Rusia manakala pengkaji pula menggunakan teori konflik J.W Burton dalam jenis konflik dan penyelesaiannya melalui filem *Pulang*. Dengan itu, kajian ini juga membantu pengkaji untuk menyelesaikan permasalahan kajian dan objektif kajian.

Che Mohd Aziz Yaacob dan Mohammad Zaki Ahmad menulis jurnal pada tahun 2019 yang bertajuk *Transformasi Isu dalam Penyelesaian Konflik Patani di Selatan Thailand*. Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk menganalisis data-data kajian yang memfokuskan kepada transformasi isu yang dipelopori oleh GPP daripada isu kemerdekaan yang dituntut sebelum ini kepada isu identiti Melayu Patani yang selama

ini mengalami asimilasi dan diskriminasi. Metodologi kajian ini dilakukan dengan kaedah kualitatif untuk menyelesaikan permasalahan kajian. Dapatan kajian yang diperolehi di dalam kajian ini adalah mendapati struktur hubungan yang tidak seimbang (asymmetric) menjadi punca di sebalik usaha mengasimilasi identiti Orang Melayu Islam Patani (OMIP). Persamaan yang terdapat di dalam kajian ini adalah beliau menggunakan teori konflik dalam isu penyelesaian konflik Patani di Selatan Thailand melalui pendekatan J.W Burton manakala pengkaji menggunakan teori konflik J.W Burton dalam jenis konflik dan penyelesaiannya dalam filem *Pulang* (2018).

### **2.3 Kajian Terhadap Filem Pulang**

Hani Salwah Yaakup menulis artikel ini pada tahun 2019 yang bertajuk Menelusuri Rajuk dalam Pulang: Sebuah Kebijaksanaan Emosi Masyarakat Melayu. Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk membincangkan konsep rajuk dalam filem *Pulang* (2018). Metodologi kajian ini dilakukan dengan kaedah deskriptif kualitatif untuk menyelesaikan permasalahan kajian. Dapatan kajian yang diperolehi di dalam kajian ini adalah dapat disimpulkan rajuk dalam konteks filem *Pulang* (2018) membawa konsep kepada rajuk intelek dan rajuk terkurung penuh bermakna, tidak semestinya memberi keputusan yang terbaik dalam sesebuah situasi bermasalah. Hal ini dilihat berhubung kait dengan tahap sosio ekonomi seseorang perajuk. Seterusnya, terdapat perbezaan kajian yang dilakukan oleh Hani Salwah Yaakup pada tahun 2019 adalah beliau memberikan fokus kepada konsep rajuk dalam filem *Pulang* (2018) manakala pengkaji pula memberikan penekanan terhadap konflik dan penyelesaian dalam filem *Pulang* (2018). Oleh yang demikian, kajian beliau ini sedikit sebanyak membantu pengkaji untuk menyelesaikan permasalahan dan objektif kajian.

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.0 Pengenalan

Metodologi penyelidikan merujuk kepada rangka kerja yang digunakan untuk merancang, menjalankan, dan menilai kajian atau penyelidikan dengan cara yang sistematik. Metodologi kajian juga membantu memastikan proses penyelidikan dijalankan dengan teliti dan tepat untuk menghasilkan keputusan yang sah dan boleh dipercayai. Menurut Ahmad Mazhab Ayob (1985:19), kaedah kajian adalah tentang bagaimana objektif atau kajian tersebut dapat dicapai. Metodologi kajian melibatkan pengumpulan maklumat dan data terkini yang berkaitan dengan tinjauan yang dilakukan. Kaedah kajian biasanya merangkumi pemilihan kaedah kajian, teori pembelajaran bahasa, prosedur pengumpulan data, dan prosedur analisis data. Metodologi kajian melibatkan satu langkah dan teknik yang digunakan untuk reka bentuk kajian, mengumpul dan menganalisis data, dan membuat kesimpulan daripada hasil kajian. Beberapa elemen penting dalam metodologi penyelidikan termasuk memilih kaedah kajian yang sesuai, reka bentuk kajian, pengumpulan data, analisis data, dan tafsiran data. Kaedah kajian yang digunakan dalam metodologi mungkin berbeza-beza bergantung kepada jenis penyelidikan dan persoalan kajian yang perlu dijawab.

Apabila data telah dikumpul, metodologi kajian juga melibatkan menganalisis data, secara kualitatif dan kuantitatif, untuk membuat kesimpulan dan menjawab persoalan kajian. Kaedah analisis data yang digunakan juga berbeza-beza, seperti analisis statistik, analisis tematik, analisis kandungan, atau kaedah lain mengikut jenis data yang dikumpul. Dengan menggunakan metodologi kajian yang betul, penyelidik dapat memperoleh pemahaman yang mendalam tentang aspek yang akan dikaji. Dalam kajian

ini, pengkaji telah menggunakan rekabentuk kajian kualitatif sepenuhnya terhadap bahagian kaedah kajian, pengkaji juga telah menggunakan kaedah analisis kandungan, kaedah kepustakaan, dan juga membuat rujukan melalui internet untuk penambahan maklumat kajian. Oleh itu, bab ini membincangkan tentang kaedah kajian yang digunakan untuk mendapatkan maklumat secara terperinci terhadap sesuatu kajian.

### **3.1 Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian, juga dikenali sebagai proses merancang dan memilih kaedah yang sesuai untuk menjalankan kajian yang sistematik dan berkesan. Reka bentuk kajian melibatkan pemilihan dan penyusunan elemen utama kajian, termasuk persoalan kajian, objektif kajian, pengumpulan data, analisis data, dan tafsiran data. Menurut Sabitha (2006), reka bentuk penyelidikan mempunyai peranan yang sangat penting dalam menyediakan rangka kerja yang jelas dan terperinci bagaimana penyelidikan akan dijalankan. Dalam reka bentuk kajian, pelbagai aspek penyelidikan diperincikan, seperti objektif kajian dan persoalan kajian yang akan dikaji. Dalam penyelidikan yang dijalankan, reka bentuk kajian berfungsi sebagai rujukan dan garis panduan yang membantu pengkaji membincangkan sesuatu proses secara keseluruhan dari peringkat awal hingga peringkat akhir, dengan tujuan untuk mewujudkan analisis data yang sahih. Matlamat reka bentuk penyelidikan adalah untuk memastikan penyelidikan dijalankan dengan cara yang membolehkan pengkaji menjawab soalan kajian yang dimaksudkan dengan berkesan, mengumpul data yang betul dan boleh dipercayai, serta menghasilkan maklumat yang bermakna dan relevan.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif data untuk mengumpul, menganalisis serta meneliti maklumat yang didapati oleh pengkaji melalui tontonan filem. Kaedah kualitatif ini melibatkan pengumpulan data deskriptif dan naratif,

seperti analisis kandungan. Ia juga merupakan merupakan kajian yang bertujuan untuk menjelaskan proses, langkah, dan punca sesuatu kajian. Kajian ini melibatkan pengumpulan data melalui objektif dan persoalan kajian. Reka bentuk kajian ini tertumpu kepada mencari penyelesaian atau cara penyelesaian bagi menjawab persoalan kajian yang menjadi tunjang kepada pegkaji untuk mencapai objektif kajian. Struktur kajian ini menumpukan kepada objektif kajian yang hendak dicapai serta menjadi hala tuju untuk menganalisis konflik di dalam sebuah filem *Pulang* (2018). Teori Konflik ini menjadi bahan utama untuk menganalisis jenis dan penyelesaian konflik yang terdapat di dalam filem *Pulang* (2018). Teori Konflik yang digunakan adalah teori konflik daripada J.W Burton iaitu mengkaji konflik-konflik yang terdapat dalam masyarakat yang ada dalam filem *Pulang* (2018). Perkara ini adalah salah satu kaedah untuk mencapai objektif yang hendak dikaji oleh pengkaji melalui Beberapa objektif yang ingin dicapai dalam menjalankan kajian ini adalah :-

- 1) Mengenal pasti jenis-jenis konflik di dalam filem *Pulang*.
- 2) Menganalisis kaedah-kaedah penyelesaian konflik dalam filem *Pulang*.

### **3.1.1 Kaedah Kualitatif**

Pengkaji menggunakan beberapa pendekatan yang berbeza untuk menyediakan dan melengkapkan kajian ini untuk mengumpulkan fakta dan data yang diperlukan. Bagi menyiapkan kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dalam kajian ini. Metodologi analisis data dan kualitatif digunakan dalam kajian ini. Menurut Marohaini (1996), Penyelidikan yang mengaplikasikan pendekatan kualitatif dapat menghasilkan pemahaman yang lebih mendalam tentang perlakuan yang diperhatikan. Maklumat tersebut diperoleh daripada jenis konflik yang digambarkan dalam filem *Pulang* (2008) arahan Kabir Bhatia. Data tersebut kemudiannya dianalisis berdasarkan strategi

pendekatan teori konflik Burton untuk menyelesaikan konflik (1969). Data dikaji secara terang-terangan dan tersirat untuk memahami isi cerita dan konflik yang terdapat dalam peristiwa tersebut menggunakan proses analisis jalan cerita. Penerangan dan analisis jenis konflik serta gaya pengurusan konflik dapat dilihat melalui pendekatan kualitatif.

### **3.2 Kaedah Kajian**

Kajian yang dijalankan ini merupakan kajian terhadap filem yang berunsurkan konflik iaitu filem *Pulang* (2018) arahan Kabir Bhatia. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif untuk mendapatkan data hasil daripada kajian. Kaedah kajian melibatkan prosedur, teknik dan instrumen yang digunakan untuk mengumpul data, menganalisis maklumat, dan mendapatkan pemahaman tentang kajian terhadap aspek konflik dan penyelesaian dalam filem *Pulang* (2018). Kaedah kajian juga merangkumi pelbagai langkah dan proses yang direka bentuk untuk mencapai objektif kajian dan persoalan kajian.

#### **3.2.1 Kaedah Analisis Teori**

Kaedah analisis teori adalah pendekatan atau kaedah yang digunakan dalam proses menganalisis teori dalam kajian. Kaedah analisis teori membantu dalam memahami, mentafsir, dan menilai teori yang digunakan. Dalam penggunaan teori, beberapa pendekatan yang dikaji termasuklah peranan institusi sosial dalam mencipta, mengekalkan atau menyelesaikan konflik tersebut. Seterusnya, menganalisis peranan individu, kumpulan atau pelakon dalam konflik. Analisis peranan melibatkan pemahaman dalam menyelesaikan konflik dan bagaimana peranan mereka berinteraksi dan mempengaruhi konflik tersebut. Tambahan pula, konflik akibat struktur dan sistem sosial yang menyebabkan persaingan, ketegangan, dan konflik antara kumpulan sosial. Analisis konflik mengenal pasti dan memahami konflik yang timbul akibat perbezaan kepentingan

dan ketidakadilan dalam masyarakat. Selain itu, Terdapat banyak konflik yang disebut semasa membincangkan konflik termasuklah konflik individu iaitu konflik yang bersifat persendirian. Biasanya berlaku disebabkan dalam kehidupan seharian individu yang membawa kepada perubahan emosi seseorang disebabkan persekitaran sekeliling. Jenis konflik seterusnya ialah konflik interpersonal yang boleh berlaku antara dua individu atau antara individu dan kumpulan. Konflik kumpulan, sebaliknya, merujuk kepada pertengkaran antara dua kumpulan di dalam organisasi yang sama. Seterusnya, yang terakhir adalah konflik antara negara. Akhir sekali, kajian ini adalah bertujuan untuk menunjukkan sama ada konflik dalam filem tersebut dapat diselesaikan.

### **3.2.2 Kaedah Analisis Kandungan**

Analisis kandungan merupakan salah satu kaedah analisis yang dijalankan terhadap penyelidikan berbentuk kajian kualitatif (Neuendorf, 2002:1: Schreier, 2012:1). Analisis ini digunakan sebagai meneliti dan menjelaskan tafsiran yang terdapat dalam kajian. Selain itu, analisis kandungan merupakan satu Teknik penyelidikan dengan membuat kesimpulan secara sistematik dan objektif melalui data berbentuk dokumen (Rohana Yusuf, 2004:34: Krippendorff, 2004:18). Kaedah analisis kandungan digunakan untuk melihat konflik dalam sebuah filem tersebut. Pemerhatian juga merupakan alternatif yang ada dalam mengumpul maklumat. Melalui pemerhatian ini, pengkaji dapat mengetahui jenis-jenis konflik serta penyelesaian konflik yang terdapat dalam filem yang hendak dikaji. Peranan pengkaji juga adalah sebagai pemerhati terhadap perubahan-perubahan dan melihat tingkah laku dalam watak filem tersebut. Bagi mendapatkan data, pengkaji menonton filem itu sendiri bagi memastikan adanya konflik dalam jalan cerita filem yang hendak dikaji iaitu filem *Pulang* dalam memenuhi objektif kajian.

### **3.2.3 Kaedah Kepustakaan**


Kaedah kepustakaan merupakan kaedah yang biasa digunakan oleh para pengkaji untuk mendapat data dan bukti kajian. Menurut Creswell (2014), mendefinisikan kaedah kepustakaan sebagai satu langkah yang diambil untuk mengenal pasti, menilai, dan menggunakan sumber-sumber kepustakaan yang relevan sebagai asas atau kerangka teori dalam kajian. Kaedah ini merupakan salah satu kaedah yang penting bagi mendapatkan maklumat bagi tugas kajian ini. Pengkaji menggunakan kaedah ini bagi mendapatkan sebanyak mungkin dapatan atau maklumat yang relevan berkaitan dengan kajian ini. Proses mendapatkan maklumat tertumpu pada pembacaan dan rujukan daripada buku-buku, jurnal-jurnal, makalah dan artikel-artikel berkaitan dengan tajuk kajian. Semua maklumat yang diperolehi akan digunakan untuk menulis kajian serta melengkapkan maklumat kajian. Pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan dengan meneliti bahan-bahan bacaan dan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan konflik dalam filem. Pengkaji telah membuat rujukan dan penyelidikan di Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Perpustakaan Awam Kota Bharu bagi mencari maklumat yang terdapat di perpustakaan tersebut. Pengkaji meneliti segala bahan mengenai tajuk yang dikaji oleh pengkaji. Seterusnya, bahan tersebut dijadikan sumber bacaan dan rujukan bagi membantu pengkaji dalam penghasilan penulisan ilmiah yang lebih baik.

### **3.2.4 Kaedah Carian Internet**

Kajian ini menggunakan kaedah carian internet dalam mendapatkan maklumat tambahan dalam membantu mendapatkan rujukan atau maklumat yang diperlukan. Menurut Rao (1997), Internet digunakan untuk membekalkan maklumat, menyebarkan maklumat dan bekalan dokumen melalui jurnal elektronik daripada pelbagai sumber yang boleh diakses pada bila-bila masa. Rujukan daripada sumber internet ini dapat membantu

pengkaji untuk memperoleh maklumat yang lebih luas dan terkini mengenai skop kajian. Hal ini kerana segala maklumat dapat diperolehi menerusi internet tanpa had dan merentasi masa. Antara laman sesawang yang diakses untuk mendapatkan maklumat mengenai kajian yang dijalankan ini adalah seperti Google Scholar, Scribd, Academia, Dewan Bahasa dan Pustaka. Kaedah ini membolehkan pengkaji untuk memperoleh maklumat mengenai filem berunsurkan konflik khususnya filem yang dikaji iaitu *Pulang* (2018) dengan lebih tepat. Segala maklumat yang diperolehi menerusi internet akan dikumpul untuk dimuatkan dalam penghasilan kerja kursus ini.

### 3.3 Teori Konflik



**Rajah 2:** Pendekatan Konflik J. W Burton

Teori konflik yang digunakan dalam kajian ini adalah teori konflik yang diasaskan oleh J. W Burton. Menurut Burton, konflik adalah fenomena yang wujud dalam hubungan antara negara dan boleh timbul disebabkan oleh perbezaan kepentingan, nilai atau matlamat yang bercanggah. Konflik dianggap sebagai akibat daripada perselisihan faham

dan kurangnya komunikasi yang berkesan antara pihak yang terlibat. Oleh itu, Burton berpendapat bahawa penyelesaian konflik mestilah melibatkan usaha yang memfokuskan kepada pemahaman perspektif dan kepentingan setiap pihak. Burton mencadangkan pendekatan transformasi kepada penyelesaian konflik, yang melibatkan perubahan corak hubungan antara pihak yang berkonflik. Pendekatan ini bertujuan untuk mewujudkan perubahan dalam sikap, tingkah laku, dan struktur yang mendasari konflik. Transformasi konflik memerlukan pihak yang terlibat untuk terlibat dalam dialog terbuka, mendengar pandangan dan kepentingan masing-masing, dan berusaha untuk mencari penyelesaian bersama yang memenuhi kepentingan semua pihak. Salah satu konsep utama dalam teori konflik J. W. Burton ialah konsep "keperluan" yang bercanggah. Menurut Burton, konflik sering timbul kerana keperluan asas yang tidak dipenuhi. Oleh itu, penyelesaian konflik mesti melibatkan pengenalpastian dan pemenuhan keperluan yang bercanggah secara adil.

Selain itu, Burton juga menekankan kepentingan pemahaman yang mendalam tentang aspek sosial, budaya, dan psikologi konflik. Menurutnya, penyelesaian konflik yang berkesan memerlukan perubahan sikap, persepsi, dan pemahaman yang melibatkan pihak terbabit. Dalam hal ini, teori konflik J.W. Burton telah mempengaruhi pendekatan penyelesaian konflik dalam pelbagai konteks, termasuk hubungan antarabangsa, konflik antara kumpulan, konflik interpersonal dan konflik intrapersonal. Burton berhujah bahawa dengan memahami dan mengatasi punca konflik, melalui dialog, rundingan dan kerjasama, konflik boleh diubah menjadi hubungan yang lebih harmoni dan aman.

### 3.3.1 Sejarah Ringkas Teori Konflik

J. W. Burton (1915-2010) adalah ahli akademik yang terkenal dengan sumbangannya kepada pembangunan teori konflik. Burton telah menumpukan banyak penyelidikannya dalam mengkaji dan memahami konflik dan penyelesaiannya. Pada tahun 1960-an, Burton mula mengembangkan teori konflik yang berbeza daripada pendekatan konvensional yang lebih memfokuskan kepada kuasa ketenteraan dan realpolitik. Beliau menyedari bahawa konflik sering timbul daripada konflik kepentingan yang bercanggah antara negara atau kumpulan, dan bahawa penyelesaian konflik yang mampan mesti melibatkan perubahan hubungan antara pihak yang berkonflik.

Salah satu karya penting Burton yang terkenal ialah bukunya yang bertajuk "Conflict and Communication: The Use of Controlled Communication in International Relations" yang diterbitkan pada tahun 1969. Dalam buku ini, beliau mencadangkan pendekatan komunikatif dalam penyelesaian konflik, di mana dialog terbuka dan persefahaman bersama antara Pihak yang berperang adalah kunci untuk mencapai keamanan yang mampan. Burton memperkenalkan konsep "keperluan" yang bercanggah ke dalam teorinya. Menurutnya, konflik sering timbul kerana keperluan asas yang tidak dipenuhi, dan penyelesaian konflik mesti melibatkan mengenal pasti dan memenuhi keperluan yang bercanggah dengan adil. Selain itu, teori konflik Burton juga menekankan kepentingan memahami aspek sosial, budaya, dan psikologi konflik. Beliau berpendapat bahawa pemahaman yang mendalam tentang faktor-faktor ini boleh membantu mengatasi perselisihan faham dan prasangka yang boleh memburukkan lagi konflik. Tambahan pula, Burton dalam teori konflik dan penyelesaian konflik telah mempengaruhi pemikiran dan amalan dalam banyak bidang, termasuklah konflik interpersonal, konflik intrapersonal, konflik antara kumpulan dan konflik antara negara yang dicadangkannya kekal sebagai

asas penting dalam usaha mencapai penyelesaian konflik yang mampan dan membina keamanan.


### **3.3.2 Konflik Menurut Tokoh**

Terdapat beberapa tokoh yang menyumbang kepada pembangunan teori konflik yang memberikan pelbagai pendapat dan pandangan mereka tentang teori konflik iaitu yang pertama Karl Marx (1818-1883) iaitu seorang ahli falsafah yang terkenal dengan teori konflik. Menurut Marx, konflik timbul daripada konflik antara kelas sosial yang mempunyai kepentingan ekonomi yang bertentangan, iaitu golongan atasan dengan golongan bawahan. Marx melihat konflik kelas sebagai aspek utama perubahan sosial dan percaya bahawa konflik ini akan membawa kepada pemansuhan sistem kapitalis dan kemunculan masyarakat sosialis. Seterusnya, Max Weber (1864-1920) seorang ahli sosiologi yang melihat konflik dari segi kuasa dan autoriti. Max Weber berpendapat bahawa konflik timbul daripada ketidaksamaan dalam pengagihan kuasa dan sumber. Beliau menekankan kepentingan konsep stratifikasi sosial yang membahagikan masyarakat kepada kumpulan yang berbeza dari segi sumber dan kuasa. Max Weber juga mengakui bahawa konflik boleh dikaitkan dengan faktor budaya dan agama.

Selain itu, Lewis Coser (1913-2003) seorang ahli sosiologi juga merupakan tokoh yang membangunkan teori konflik interpersonal. Hal ini kerana, beliau melihat konflik sebagai akibat daripada pertembungan antara kumpulan atau individu yang bersaing untuk mendapatkan sumber, status, atau kuasa. Coser menekankan bahawa konflik dalam masyarakat tidak selalunya negatif, tetapi juga boleh berfungsi sebagai alat untuk membetulkan ketidakadilan dan mencapai perubahan sosial. Akhir sekali, pendapat seorang ahli teori konflik iaitu Johan Galtung (1997) yang membangunkan pendekatan "transformatif" untuk penyelesaian konflik. Galtung melihat konflik sebagai akibat

daripada ketidakseimbangan kuasa dan perbezaan keperluan dalam kepentingan. Beliau berpendapat bahawa penyelesaian konflik yang mampan melibatkan usaha untuk mengubah struktur dan sikap yang mendasari konflik melalui dialog, rundingan dan perdamaian.

### 3.4 Kerangka Teorikal



**Rajah 3:** Kerangka Teoretikal

### 3.5 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kaedah yang digunakan untuk menjawab persoalan kajian dalam penyelidikan ini merangkumi pemilihan reka bentuk kajian, strategi kajian, teknik kajian, dan strategi analisis yang digunakan oleh penyelidik. Metodologi kajian yang digunakan dapat menjadikan kajian lebih tersusun dengan menggunakan kaedah kajian yang sesuai. Kajian terhadap filem *Pulang* (2018) merupakan kajian yang dikaji mengikut kesesuaian kaedah kajian. Hal ini kerana, dengan adanya kaedah kajian yang sesuai, penyelidik dapat meneliti data dan mencipta hujah dengan fakta yang sahih dan benar. Metodologi kajian juga menjelaskan fungsi kaedah kajian yang digunakan serta menggunakan teori konflik untuk menganalisis filem *Pulang* (2018) melalui pendekatan J. W Burton. Dengan reka bentuk penyelidikan yang jelas, penyelidik dapat mempunyai garis panduan yang kukuh untuk menjalankan penyelidikan dengan betul dan boleh dipercayai. Oleh itu, metodologi kajian adalah penting untuk menerangkan secara ringkas pendekatan yang digunakan dalam penyelidikan, menonjolkan kekuatan dan kelemahan kaedah yang dipilih dan membuat kesimpulan tentang kaitan dan sumbangan penyelidikan dalam bidang kajian yang akan dikaji.

## BAB 4

### ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

#### 4.0 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan analisis yang diperolehi melalui kajian terhadap filem *Pulang* arahan Kabir Bhatia, yang ditayangkan pada tahun 2018, dengan fokus pada dua objektif kajian utama iaitu objektif pertama ialah untuk mengenal pasti jenis-jenis konflik yang muncul di dalam naratif filem *Pulang*. Sementara itu, objektif kedua bertujuan untuk menganalisis kaedah-kaedah penyelesaian konflik dalam filem tersebut dengan merujuk kepada teori konflik yang diasaskan oleh J.W Burton.

*Pulang* merupakan sebuah filem yang mengisahkan tentang kisah pasangan kekasih cinta yang ditimpa melalui pelbagai dugaan dan cabaran dalam kehidupan. Inspirasi filem ini diambil daripada suatu peristiwa sejarah yang berlaku pada tahun 1940-an. Kajian dilakukan dengan menganalisis hubungan antara watak utama, di dalam filem yang dijadikan sebagai teras untuk mengenalpasti jenis konflik yang mewarnai alur cerita tersebut.

Objektif pertama kajian ini meneroka pelbagai jenis konflik yang melibatkan watak-watak utama. Konflik dapat dilihat dalam pelbagai aspek kehidupan mereka, termasuk dalam hubungan percintaan, keluarga, dan masyarakat. Konflik tercetus daripada perbezaan nilai, keputusan sukar yang perlu dibuat, atau perubahan sosial yang mempengaruhi hubungan. Sementara itu, objektif kedua kajian ini membuka ruang untuk menganalisis kaedah-kaedah penyelesaian konflik yang dipersembahkan dalam filem. Teori konflik J.W Burton dapat membantu membongkar lapisan-lapisan penyelesaian

konflik dalam konteks filem *Pulang*. Penekanan pada elemen komunikasi yang dapat dilihat sebagai usaha untuk menyelesaikan ketegangan dan konflik antara watak-watak.

Berdasarkan filem ini, watak utama dihadapkan dengan konflik yang kompleks, seperti konflik antara Othman dan isterinya, Che Tom, serta konflik dalam diri Othman yang melibatkan pertentangan nilai dan identiti. Bagaimana konflik-konflik ini diselesaikan akan memberikan pandangan mendalam tentang hubungan dan ketabahan manusia dalam menghadapi cabaran dalam hidup. Melalui penelitian ini, diharapkan dapat diperolehi pemahaman yang lebih mendalam mengenai gambaran di dalam filem *Pulang* tentang kaedah menangani konflik-konflik tersebut. Dengan merujuk kepada teori konflik, analisis ini dapat memberikan pandangan yang kaya tentang pengembangan watak dan kawalan emosi yang dialami oleh watak-watak utama. Perkara ini memberikan peluang untuk menggambarkan nilai-nilai yang terkandung dalam filem dan kaedah-kaedah penyelesaian konflik yang dapat membentuk perkembangan watak dan jalan cerita filem tersebut.

#### **4.1 Dapatan Kajian**

Analisis kajian adalah berdasarkan kepada penelitian terhadap filem *Pulang* arahan Kabir Bhatia dengan menonton filem tersebut. Melalui analisis ini, pelbagai jenis konflik akan diteliti termasuklah konflik intrapersonal, interpersonal, konflik antara kumpulan dan konflik antara negara yang menjadikan jalan cerita bertambah menarik dan bersifat dinamik.

#### 4.1.1 Jenis-Jenis Konflik Di Dalam Filem *Pulang*

##### a) Konflik Intrapersonal

Konflik intrapersonal menurut Hunt dan Metcalf (1996) adalah konflik yang berlaku dalam diri seseorang. Ini adalah satu bentuk konflik dalaman di mana individu mengalami konflik diantara pelbagai keperluan, nilai, atau dorongan yang wujud dalam diri mereka. Konflik ini boleh berlaku dalam pelbagai peringkat dan boleh melibatkan aspek seperti emosi, nilai, kepercayaan atau matlamat peribadi. Beberapa ciri-ciri konflik intrapersonal termasuklah nilai yang bertentangan, emosi yang bertentangan dan konflik dalam membuat keputusan. Hal ini kerana, Dalam konflik intrapersonal, seseorang berasa terperangkap di antara dua atau lebih keperluan atau nilai yang bertentangan. Sebagai contoh, seseorang mungkin merasa bercanggah antara keinginan untuk mencapai kejayaan kerjaya dan keinginan untuk mempunyai lebih banyak masa untuk keluarga. Selain itu, emosi yang bertentangan seperti rasa bersalah dan keinginan untuk melakukan sesuatu adalah boleh menjadi punca konflik intrapersonal. Sebagai contoh, seseorang mungkin berasa bersalah kerana tidak dapat meluangkan masa yang cukup dengan keluarga, tetapi pada masa yang sama berasa tertekan untuk mencapai matlamat kerja bagi memenuhi keperluan keluarganya sendiri seperti yang terdapat dalam filem *Pulang*. Ini merupakan konflik intrapersonal dalam diri Che Tom:



**Gambar 1:** Tangkap layar babak Che Tom Mencari Othman

(Sumber: Filem *Pulang* (2018) , minit 25:26)

Konflik intrapersonal juga berlaku dalam diri Che Tom disebabkan oleh emosi yang bertentangan seperti keinginan untuk melakukan sesuatu. Buktinya, Che Tom memikirkan keadaan Othman yang semalaman tidak pulang ke rumah. Emosi Che Tom pada ketika itu tidak tenteram kerana risau terhadap suaminya yang tidak pulang. Ia berasa tertekan terhadap dirinya sendiri .

Selain itu, konflik intrapersonal timbul dalam konteks membuat keputusan. Hal ini dikatakan demikian kerana, seseorang mungkin merasa sukar untuk memilih antara pelbagai pilihan kerana setiap pilihan melibatkan akibat atau pertimbangan yang bertentangan. Oleh hal yang demikian, pengkaji telah menemukan konflik intrapersonal yang terdapat di dalam filem *Pulang*. Berikut merupakan contoh konflik intrapersonal yang berlaku terhadap watak-watak utama di dalam filem *Pulang*:



**Gambar 2:** Tangkap layar babak menunjukkan Othman merasa dirinya tidak dapat memberikan kemewahan

(Sumber: Filem *Pulang* (2018), minit 11:40)

Dalam babak ini jelas dipaparkan bagaimana konflik intrapersonal berlaku dalam diri Othman dan Che Tom. Buktinya, Othman merasa dirinya tidak dapat membahagiakan Che Tom kerana Othman tidak mempunyai kemewahan dan keluarga. Hal ini jelas menunjukkan bahawa konflik intrapersonal berlaku dalam diri Othman disebabkan emosi dan nilai yang bertentangan terhadap pemikirannya yang bercanggah untuk keinginan dalam mencapai matlamat tersebut sehingga berlakunya konflik dalam diri Othman.

Seterusnya, berikut merupakan contoh konflik intrapersonal yang berlaku dalam diri Othman.



**Gambar 3:** Tangkap layar menunjukkan Othman rindu pada Che Tom

(Sumber: Filem *Pulang* (2018) , minit 53:11)

Berdasarkan babak diatas, kehadiran konflik intrapersonal dalam diri Othman terjadi oleh konflik emosi yang mendalam disebabkan oleh kerinduan terhadap Che Tom yang mengakibatkan perasaan tidak tenteram dan keinginan yang kuat untuk pulang ke kampung halamannya. Emosi Othman yang tidak stabil menyebabkan konflik intrapersonal berlaku. Kehilangan Che Tom menyebabkan Othman merenung dan merasakan kekosongan emosi yang mendalam. Gambaran Che Tom menjadi bayangan yang melekat di fikirannya, mencetuskan kenangan yang memenuhi setiap sudut fikirannya. Keinginan untuk kembali ke pangkuan Che Tom menjadi hasrat yang mendalam dan menguasai fikiran Othman pada ketika itu.

Tindakan ini menggambarkan ketidakstabilan emosi yang mengiringi perasaan rindu dan keinginan untuk pulang ke kampung. Fikiran Othman menjadi simbol kekosongan yang dia rasa dan bukan sahaja kekosongan emosi tetapi juga dari segi kekayaan dan keupayaan untuk mencapai keinginan seseorang. Hasrat Othman untuk pulang ke kampungnya bertambah sukar dengan keadaan yang tidak mengizinkan disebabkan impian Othman tidak lagi tercapai menyebabkan Othman tertekan dan tidak dapat merealisasikan hasratnya untuk bertemu dengan Che Tom. Walau bagaimanapun, keinginan Othman untuk melihat Che Tom menjalani kehidupan mewah menggambarkan satu lagi aspek konflik intrapersonalnya. Keinginan untuk membawa kegembiraan kepada orang yang disayanginya bertentangan dengan realiti yang mengehadkan keupayaannya untuk berbuat demikian. Keadaan ini menimbulkan rasa tidak puas hati yang lebih mendalam dan mungkin menimbulkan persoalan tentang erti kehidupan dan kebahagiaan. Secara keseluruhannya, babak ini mencipta gambaran konflik intrapersonal yang kompleks dalam diri Othman, dengan unsur-unsur seperti rindu, keinginan untuk pulang ke rumah, dan rasa tidak puas hati melanda hidupnya.

Selanjutnya, contoh konflik intrapersonal yang berlaku dalam diri Othman disebabkan oleh keadaan yang dialaminya pada ketika itu.



**Gambar 4:** Tangkap layar babak menunjukkan Othman memikirkan keadaanya yang sehelai sepinggang

(Sumber: Filem *Pulang* (2018), minit 1:20:19)

Berdasarkan gambar di atas, berlaku konflik intrapersonal dalam diri Othman apabila dia malu balik ke kampung kerana dia tidak mempunyai apa-apa. Konflik ini muncul apabila Othman enggan untuk pulang ke kampung kerana ketiadaannya yang kini dilanda kemiskinan selepas kapalnya karam. Rasa malu yang mendera pemikiran dan emosi Othman menjadi faktor utama konflik intrapersonal berlaku. Dia merasa malu dan terhina kerana tidak lagi memiliki harta dan kemewahan untuk di bawa pulang. Pengaruh sosial dan tekanan persekitaran kampung memainkan peranan penting dalam mencetuskan perasaan Othman.

Fikiran Othman yang bercelaru menyebabkan konflik berlaku dalam dirinya. Dia memikirkan keadaanya yang hanya sehelai sepinggang akibat kapalnya karam. Keadaan ini memberi kesan mendalam pada fikiran dan emosinya yang menyebabkan dia tidak mahu berjumpa dengan Che Tom. Oleh hal yang demikian, emosi yang tidak tenteram menyumbang kepada konflik intrapersonal dalam diri Othman. Rasa gelisah, kecewa, dan ketidakpastian telah meresapi setiap keputusan dan tindakan yang diambilnya.

Berdasarkan situasi ini, konflik intrapersonal Othman mencerminkan pertarungan antara harga diri yang tercalar, rasa malu, dan fikiran yang terganggu.

Di samping itu, ini merupakan konflik intrapersonal yang berlaku dalam diri Che Tom disebabkan oleh kurangnya komunikasi terhadap mereka.



**Gambar 5:** Tangkap layar babak menunjukkan Che Tom membuang barang jahitannya

(**Sumber:** Filem *Pulang* (2018), minit 1:47:00)

Gambar yang ditunjukkan di atas membawa kepada pemahaman yang mendalam mengenai konflik intrapersonal yang dialami oleh Che Tom. Dalam konteks ini, konflik timbul disebabkan oleh perasaan marah dan kekecewaan Che Tom terhadap Othman kerana sikap Othman yang tidak ambil peduli terhadap kehidupan mereka di kampung. Perasaan marah Che Tom kerana dia beranggapan bahawa Othman telah melupakan mereka di kampung kerana kurangnya komunikasi di antara Othman dan Che Tom. Keadaan ini menyebabkan kekosongan emosi dalam diri Che Tom yang menimbulkan perasaan terasing dan tidak dihargai mewarnai hidupnya. Che Tom yang menganggap bahawa Othman melupakan mereka menyebabkan konflik intrapersonal berlaku. Perasaan diabaikan dan kurang dihargai dapat mencetuskan perasaan negatif seperti kekecewaan, kehilangan, dan marah yang bermain di dalam minda Che Tom. Konflik ini tidak hanya melibatkan aspek perasaan marah, tetapi juga berkaitan dengan identiti dan kepentingan dalam hubungan sebuah keluarga.

Meskipun Che Tom marah dan kecewa terhadap Othman, Che Tom masih menunggu Othman untuk kembali ke kampung. Keadaan ini menyerlahkan konflik intrapersonal yang lebih mendalam sebagai kesan daripada perasaan cinta dan harapan terhadap hubungan mereka masih bersinar walaupun diselubungi oleh ketidakpuasan dan kekecewaan. Oleh hal yang demikian, sikap Che Tom yang menunggu Othman pulang ke kampung menggambarkan keteguhan hati dan kepercayaan yang mendalam dalam hubungan mereka. Walaupun terdapat konflik intrapersonal yang memerangkap Che Tom, terdapat juga elemen emosi yang positif seperti harapan, cinta, dan kesetiaan yang terus bersinar dalam hubungan ayah dengan anak mereka. Secara keseluruhannya, konflik intrapersonal Che Tom mencerminkan hubungan keluarga dan emosi yang sering kali melibatkan perasaan seperti marah, kekecewaan, dan harapan. Meskipun terdapat pertentangan dan konflik dalam diri Che Tom, keinginan untuk menjalin hubungan dan menunggu kepulangan Othman mengukuhkan aspek-aspek kesetiaan dan ketabahan yang mendalam terhadap hubungan mereka.

#### **b) Konflik Interpersonal**

Menurut Dewi dan Bastri (2008) menyatakan bahawa konflik interpersonal merujuk kepada bentuk pertentangan atau perselisihan faham yang timbul antara dua orang atau lebih dalam sesuatu kelompok masyarakat. Konflik ini boleh timbul dalam pelbagai konteks, termasuk di tempat kerja, dalam keluarga, dalam kalangan rakan, atau dalam komuniti. Konflik interpersonal tidak selalunya negatif kadangkala, ia boleh menjadi hasil daripada perbezaan pendapat yang sah atau perbezaan nilai antara individu. Walau bagaimanapun, apabila tidak diurus dengan baik, konflik berpotensi merosakkan hubungan dan menyebabkan ketidakselesaian.

Konflik interpersonal timbul akibat perbezaan cara pandang terhadap penyelesaian masalah atau kaedah pelaksanaan sesuatu situasi. Di dalam keluarga, konflik mungkin berakar daripada perbezaan nilai atau pandangan terhadap arah hidup yang diinginkan. Sementara itu, dalam kalangan masyarakat, konflik mungkin berpunca daripada perbezaan pendapat terhadap isu-isu tertentu atau perasaan ketidakpuasan terhadap keputusan yang dibuat. Ini merupakan contoh konflik interpersonal yang berlaku antara Othman dan Che Tom di dalam filem *Pulang*:



**Gambar 6:** Tangkap layar babak menunjukkan Che Tom Marah terhadap Othman

(Sumber: Filem *Pulang* (2018), minit 12:08)

Berdasarkan gambar di atas, dapat dilihat bahawa konflik interpersonal yang timbul antara Othman dan Che Tom berkaitan dengan persepsi dan nilai-nilai dalam hubungan percintaan mereka. Othman memberikan penilaian bahawa Che Tom lebih mementingkan kemewahan dalam aspek percintaan, sementara Che Tom merasakan bahawa Othman tidak memahami bahawa keikhlasan perasaan adalah aspek yang lebih penting daripada faktor materialistik. Othman menganggap Che Tom terlalu fokus pada kemewahan dan kesenangan sebagai penentu utama kebahagiaan dalam hubungan cinta mereka. Perkara ini dapat merujuk kepada perbezaan nilai di antara mereka. Othman melihat kemewahan sebagai ukuran kebahagiaan dan komitmen dalam hubungan, sementara Che Tom hanya mementingkan keikhlasan hati dalam percintaan. Hal ini menyebabkan, Che Tom merasa kecewa terhadap anggapan Othman terhadap dirinya.

Bagi Che Tom, cinta sejati tidak terkait dengan kemewahan atau kesenangan, tetapi lebih kepada keikhlasan hati. Oleh hal yang demikian, konflik ini disebabkan oleh ketidakseimbangan komunikasi antara Othman dan Che Tom. Terdapat kekurangan dalam menyampaikan harapan dan nilai masing-masing secara terbuka, yang menyebabkan kesalahpahaman dan berlakunya konflik dalam diri mereka.

Selain itu, terdapat juga konflik interpersonal yang berlaku antara Othman dan Che Tom akibat perselisihan faham antara mereka berdua. Konflik ini bukan sahaja akibat daripada perbezaan pandangan atau kepercayaan, tetapi juga menggambarkan kurangnya persefahaman yang mendalam antara Othman dan Che Tom berhubung sesuatu isu atau situasi. Adalah penting untuk memahami bahawa konflik interpersonal boleh berpunca daripada pelbagai sumber, dan dalam situasi ini, perselisihan faham adalah pencetus yang merumitkan keadaan atau hubungan antara Othman dan Che Tom. Terdapat kekaburan dalam komunikasi, atau tafsiran yang berbeza tentang sesuatu peristiwa atau tindakan yang dilakukan oleh mereka. Ini merupakan contoh konflik interpersonal yang berlaku dalam diri mereka:



**Gambar 7:** Tangkap layar babak menunjukkan Che Tom melarang Othman menyerah diri mengikuti buruh paksa pihak Jepun

(Sumber: Filem *Pulang* (2018), minit 15:10)

Berdasarkan gambar di atas, menggambarkan perbezaan pendapat antara Che Tom dan Othman iaitu mengenai keputusan Othman untuk terpaksa menyertai tenaga

buruh paksa Jepun. Perbezaan pandangan ini menyebabkan perselisihan faham antara mereka, mewujudkan situasi yang memerlukan penyelesaian dan pemahaman yang mendalam. Pertama sekali, Che Tom tidak menerima keputusan Othman untuk menyertai buruh paksa Jepun, disebabkan pandangan negatif terhadap penjajahan Jepun dan penindasan yang berlaku pada ketika itu. Pendapat Che Tom mungkin dipengaruhi oleh nilai atau kepercayaan tertentu yang menentang penjajah. Namun, Othman mempunyai alasan dan pertimbangan tersendiri untuk tetap menyertai buruh paksa Jepun. Bagi Othman, keputusannya mungkin menjadi cara untuk terus hidup atau mengharungi cabaran yang dihadapi pada ketika itu. Othman tetap pergi walaupun ditentang oleh Che Tom sehingga menimbulkan perselisihan faham yang kuat antara mereka. Keadaan ini mencerminkan pertembungan antara nilai dan kepentingan individu, yang kemudiannya menimbulkan konflik dalaman Che Tom dan Othman. Oleh hal yang demikian, penyelesaian konflik ini kemudian berkembang dengan Che Tom terpaksa menerima keputusan Othman. Che Tom menyedari bahawa keputusan itu diambil dengan pertimbangan dan keadaan yang sukar, dan menerima pandangan Othman sebagai cara untuk memahami konteks keputusan tersebut. Ini menggambarkan tahap kefahaman dan kesanggupan Che Tom melihat keadaan dari sudut pandangan Othman.

Di samping itu, konflik interpersonal juga dapat dilihat dalam diri Othman dan Che Tom yang disebabkan oleh percanggahan atau perbezaan pendapat untuk membuat sesuatu keputusan yang diingini.



**Gambar 8:** Tangkap layar babak menunjukkan Che Tom tidak menerima keputusan Othman untuk menjadi kelasi kapal

(Sumber: Filem *Pulang* (2018), minit 33:25)

Berdasarkan babak di atas, konflik interpersonal yang wujud dalam kalangan Che Tom dan Othman disebabkan oleh larangan Che Tom terhadap keputusan Othman untuk menjadi kelasi kapal yang belayar di seluruh dunia. Keputusan ini diambil Othman dengan niat mencari rezeki dan kemewahan yang seolah-olah bercanggah dengan keinginan Che Tom untuk kekal bersama. Selanjutnya, Che Tom dengan rasa cintanya terhadap Othman menyatakan tidak bersetuju dengan keputusan tersebut. Dia lebih suka Othman tidak berpisah dengannya, malah Che Tom sanggup memperbanyakkan kerjanya sebagai tukang jahit untuk menampung kehidupan mereka berdua. Walaubagaimanapun, Othman tetap tegas dengan keputusannya untuk menjadi kelasi kapal dengan berniat untuk melihat Che Tom dihiasi dengan permata atau emas kerana Othman sudah berjanji dengan Che Tom sebelum mereka berkahwin dengan memberi kemewahan kepada Che Tom jika dia terima Othman menjadi suaminya.

Walaubagaimanapun, konflik ini terjadi kerana ia melibatkan perbezaan jangkaan dan nilai antara mereka. Walaupun Che Tom mengutamakan kebersamaan dan kehidupan yang sederhana, Othman pula lebih berminat untuk mengejar kekayaan dan pengalaman luas di seluruh dunia. Perbezaan ini menimbulkan ketegangan dalam hubungan mereka yang menyebabkan Che Tom terpaksa melepaskan Othman pergi walaupun menghadapi

kesukaran untuk menerima keputusan Othman. Oleh hal yang demikian, dapat dilihat bahawa konflik ini bukan hanya berlaku dalam perkara fizikal seperti perpisahan, tetapi juga menggambarkan konflik emosi dan perbezaan nilai yang mendalam antara watak. Janji Othman untuk tidak melupakan Che Tom mencerminkan usaha mengekalkan hubungan, namun masih wujud kebimbangan sejauh mana janji ini dapat ditepati di tengah-tengah cabaran dan jarak fizikal yang mungkin timbul.

Selanjutnya, terdapat juga konflik interpersonal antara Che Tom dan anaknya iaitu Omar disebabkan oleh Che Tom beranggapan Othman tidak lagi mempedulikan kehidupan mereka di kampung.



**Gambar 9:** Tangkap layar babak menunjukkan Che Tom merampas gambar Othman daripada Omar


(Sumber: Filem *Pulang* (2018), minit 56:15)

Berdasarkan babak di atas, dapat dilihat bahawa konflik interpersonal antara Che Tom dan anaknya Omar. Punca konflik ini dapat dilihat daripada perselisihan nilai yang timbul seiring dengan percanggahan pendapat mereka terhadap sikap Othman. Keadaan bertambah tegang apabila Othman tidak lagi bertanyakan khabar atau berhubung dengan

mereka sejak keluar berhijrah yang menyebabkan mereka dalam keadaan tidak menentu dan terpinggir di kampung. Melalui babak tersebut, gambaran konflik ini dapat dilihat apabila Omar sedang melihat gambar-gambar kenangan mereka bersama Othman. Gambar-gambar ini bukan sahaja merakamkan kenangan manis, malah menjadi lambang kehadiran Othman yang kini jauh dari kehidupan mereka. Tindakan Omar merenung gambar ini memberi gambaran tentang kerinduan dan kesedihan yang dirasakan atas kehilangan kasih sayang ayahnya. Apabila Che Tom menyedari apa yang dilakukan oleh Omar, Che Tom merampas gambar-gambar itu dari tangan Omar. Keadaan ini menggambarkan perasaan kecewa terhadap Othman yang tidak mempedulikan keluarganya menyebabkan Che Tom marah kepada Othman.

Dengan menggambarkan rasa tidak puas hati dan kekecewaan melalui tindakan merampas gambar tersebut, adegan ini mewujudkan kedalaman emosi dalam filem serta memberikan menggambarkan kerumitan hubungan antara watak utama. Konflik interpersonal ini, yang terjadi melalui aksi dan dialog, memberikan elemen dramatik yang kuat dengan menyentuh aspek hubungan dan perubahan nilai dalam masyarakat yang sentiasa berkembang.

Di samping itu, terdapat juga konflik interpersonal antara Omar dan Che Tom disebabkan tindakan Che Tom menjual Bot Othman.



**Gambar 10:** Tangkap layar babak menunjukkan Che Tom menjual Bot Othman

(Sumber: Filem *Pulang* (2018), minit 57:33)

Konflik interpersonal juga, dapat dilihat melalui peristiwa perselisihan yang ketara antara Che Tom dan anaknya, Omar yang timbul akibat keputusan Che Tom untuk menjual bot Othman. Kejadian ini bukan sahaja mencetuskan konflik, malah turut mencetuskan perselisihan faham antara Omar dan Che Tom. Punca utama konflik ini adalah kerana bot tersebut telah diamanahkan kepada Omar dengan harapan ia akan dijaga sebaik sehingga Othman pulang ke kampung. Oleh itu, apabila Che Tom membuat keputusan untuk menjual bot tanpa berunding atau memberitahu Omar terlebih dahulu, ini menimbulkan perasaan kecewa dan marah dalam diri Omar. Tindakan Che Tom itu menimbulkan reaksi emosi Omar yang meluahkan rasa tidak puas hati dan marah terhadap keputusan yang dibuat tanpa sebarang perbincangan. Omar mungkin merasakan Che Tom bukan sahaja mengkhianati amanah yang diberikan kepadanya, malah menggadaikan sebahagian daripada identiti dan nilai keluarga mereka.

Selain itu, desakan Che Tom untuk menjual bot tersebut turut menyumbang kepada ketegangan dalam hubungan kekeluargaan. Hal ini kerana, Che Tom yang ingin

ke Hong Kong mencari Othman mungkin berpunca daripada keinginan untuk menyatukan kembali keluarga mereka yang terpisah. Walaupun niatnya untuk mencari Othman, keputusan ini menyumbang kepada ketidakpastian dan kebimbangan dalam fikiran Omar, yang mungkin merasakan bahawa penjualan bot itu menyebabkan Othman marah kepadanya. Dalam konteks ini, konflik interpersonal antara Che Tom dan Omar bukan sahaja menggambarkan konflik antara nilai kekeluargaan, tetapi juga mendedahkan ketidakseimbangan antara keinginan peribadi dan tanggungjawab keluarga.



**Gambar 11:** Tangkap layar babak menunjukkan Omar memberi surat kepada Che Tom

(Sumber: Filem *Pulang* (2018), minit 1:45:30)

Dalam babak ini, satu peristiwa yang berlaku apabila Omar memberikan surat yang dihantar oleh bapanya kepada Che Tom. Namun, suasana menjadi tegang apabila Che Tom yang penuh emosi dan marah enggan membaca surat tersebut. Keputusan ini mencetuskan ketegangan yang menunjukkan konflik emosi yang wujud dalam hubungan antara Che Tom dan Othman. Perasaan tersembunyi dalam bertahun-tahun rasa tidak puas

hati yang berakar umbi. Che Tom yang penuh geram meluahkan rasa kecewanya terhadap Othman yang merantau selama 18 tahun tanpa sekali pun bertanya khabar mereka di kampung. Omar dan Che Tom terpaksa menjalani kehidupan yang penuh dengan ketidakpastian dan kekosongan tanpa kehadiran Othman yang diharapkan. Emosi Che Tom pada ketika itu mendorongnya untuk bertindak tanpa berfikir Panjang. Dia membuang surat dan gambar Othman ke luar tingkap rumah mereka tindakan mencampak surat dan gambar itu ke luar tingkap rumah bukan sekadar tindakan spontan, tetapi jelas menunjukkan kekecewaan dan rasa tidak puas hati yang terpendam sejak sekian lama. Omar berasa kecewa dan sedih terhadap Che Tom. Dia merasakan tindakan Che Tom menolak surat dan gambar itu adalah satu bentuk penolakan terhadap emosi Othman yang sepatutnya menjadi sebahagian daripada kehidupan mereka. Menerusi babak ini, filem Pulang bukan sahaja memaparkan konflik dalam hubungan kekeluargaan, malah turut membawa penonton ke dalam dunia emosi yang kompleks dan penuh ketidakpastian. Peristiwa ini bukan sahaja menimbulkan kemarahan dan kekecewaan, tetapi juga menimbulkan persoalan mendalam tentang kesetiaan, komunikasi, dan nilai dalam keluarga terpinggir.

### **c) Konflik Antara Kumpulan**

Menurut Stott&Walker (1992), konflik antara kumpulan sering kali dikenali sebagai konflik antara kelompok atau konflik antara pasukan, merujuk kepada ketidaksepakatan, perselisihan, atau pertentangan yang timbul antara dua atau lebih kumpulan atau kelompok. Konflik seperti ini dapat melibatkan pelbagai tahap, dari perselisihan kecil hingga konflik yang bersifat berbahaya dan kompleks. Pandangan Burton berfokus pada perubahan struktural dan ketidakseimbangan dalam masyarakat sebagai punca utama konflik, dan pendekatannya melibatkan penekanan pada penghapusan asas-asas ketidakseimbangan tersebut.

Punca konflik antara kumpulan mungkin berbeza-beza dan bergantung pada konteks khusus di mana konflik itu berlaku. Terdapat Beberapa faktor yang boleh menyebabkan konflik antara kumpulan seperti persaingan sumber (Robbins,2009). Hal ini kerana, persaingan untuk mendapatkan sumber seperti wang, tanah atau kuasa boleh membawa kepada konflik antara kumpulan. Keperluan bersaing untuk sumber yang terhad boleh membawa kepada persaingan dan pertikaian. Seterusnya, perbezaan nilai dan budaya. Perbezaan dalam nilai, budaya atau pandangan dunia antara kumpulan boleh menjadi punca konflik. Persepsi yang berbeza tentang etika atau cara hidup boleh membawa kepada perselisihan faham yang mendalam. Selain itu, percanggahan ideologi. Konflik antara kumpulan juga mungkin timbul daripada perbezaan ideologi atau fahaman politik. Jika kumpulan mempunyai matlamat atau pandangan yang berbeza tentang bagaimana masyarakat harus dijalankan, konflik ideologi boleh berlaku. selanjutnya, kekurangan komunikasi yang berkesan atau ketidakpastian dalam kehendak atau niat kumpulan boleh membawa kepada konflik. Salah faham sering menjadi punca konflik. Di samping itu, konflik mungkin timbul jika kumpulan minoriti berasa tidak dihargai atau dipinggirkan oleh kumpulan majoriti. Ini mungkin melibatkan isu seperti hak asasi manusia, kesaksamaan atau pengiktirafan. Oleh hal yang demikian, Pendekatan Burton menekankan pemahaman yang mendalam tentang punca konflik dan menekankan peranannya dalam mengenalpasti dan menyelesaikan ketidakseimbangan struktur. Dalam konteks konflik antara kumpulan, pandangan ini melihat perubahan struktur sebagai kunci untuk mereka bentuk penyelesaian yang berkesan dan menghasilkan transformasi positif dalam hubungan antarabangsa. Ini merupakan konflik antara kumpulan yang terdapat dalam filem *Pulang*:




**Gambar 12:** Tangkap layar babak menunjukkan Othman dan Lum lari dari Pihak Jepun

(Sumber: Filem *Pulang* (2018), minit 17:00)

Berdasarkan babak di atas, konflik antara kumpulan terjadi apabila sahabat Othman yang dikenali sebagai Lum bertindak dengan menyiram air panas ke muka seorang tentera Jepun. Tindakan ini memberikan laluan kepada Othman untuk bersama-sama melibatkan diri dalam perlawanan terhadap tentera Jepun yang menduduki kawasan tersebut. Ketegangan mencapai puncaknya apabila Othman turut serta dalam tindakan perlawanan dengan memukul seorang tentera Jepun menggunakan sebatang kayu. Peristiwa ini mencetuskan konflik antara mereka dengan menunjukkan bahawa Othman dan Lum telah menentang pendudukan tentera Jepun dengan cara yang mendalam dan berbahaya. Tindakan mereka mencerminkan keberanian dan tekad untuk melawan penindasan, walaupun tindakan tersebut boleh membawa akibat yang serius. Keputusan mereka untuk melarikan diri menambahkan elemen ketegangan dalam babak tersebut. Mereka memilih untuk menyembunyikan diri di bawah mayat-mayat yang dibunuh oleh tentera Jepun, ketika Othman dan Lum berjaya melepaskan diri, babak ini

memperlihatkan sejauh mana tindakan perlawanan dapat membentuk dan menguji hubungan di antara kumpulan. Kejadian ini mungkin mencetuskan perbincangan mendalam mengenai nilai-nilai persahabatan, keberanian, dan kesetiaan, serta menimbulkan pertanyaan moral mengenai keputusan untuk berjuang menentang tentera penjajah. Tambahan pula, babak ini juga menggambarkan semangat perlawanan rakyat terhadap penjajah Jepun dan bagaimana kejadian-kejadian tertentu dapat merintis jalan untuk membentuk identiti pejuang dalam kalangan kumpulan tersebut. Kesediaan Othman dan Lum untuk mengambil risiko demi kebebasan menyediakan latar belakang yang mendalam untuk menggambarkan perjuangan mereka pada ketika itu.

Selain itu, ini merupakan konflik antara Kumpulan terdapat dalam filem *Pulang* yang berlaku terhadap Othman dan sahabatnya Lum.



**Gambar 13:** Tangkap layar babak menunjukkan Othman dan Lum bergaduh dengan kelasi kapal

(Sumber: Filem *Pulang* (2018), minit 49:53)

Gambar di atas memberikan gambaran tentang konflik yang timbul dalam kumpulan, terutama di antara Lum dan Othman yang berpunca daripada isu makanan halal. Konflik ini telah mewujudkan ketegangan dalam kumpulan dan merenggangkan hubungan ahli dalam kumpulan di kalangan kelasi kapal. Hal ini kerana, ketidakupayaan Othman untuk mengambil makanan yang telah tersedia di atas kapal kerana tidak mematuhi prinsip halal menjadi punca permasalahan. Nilai dan pegangan agama Othman yang memerlukan kepatuhan terhadap makanan halal menimbulkan rasa resah dalam dirinya. Ini membawa kepada keadaan di mana Othman terpaksa bergantung kepada Lum untuk mendapatkan makanan yang memenuhi syarat halal.

Tindakan Lum mengambil separuh makanan dan memasak sup untuk Othman tidak hanya mencipta keadaan tidak puas hati dalam kalangan kelasi kapal, tetapi juga menjejaskan kehidupan berkumpulan dalam kalangan mereka. Kelasi kapal yang lain mungkin melihat tindakan Lum sebagai sesuatu yang tidak adil atau merosakkan keharmonian dalam pembahagian sumber makanan. Konflik ini boleh merumitkan suasana di kapal, menggugat kepercayaan dan kerjasama di kalangan ahli kumpulan. Ketidakpuasan kelasi kapal terhadap tindakan Lum boleh menyebabkan berlakunya konflik, kerana rasa tidak puas hati, rasa tidak adil, dan mungkin perpecahan di dalam kumpulan. Oleh hal yang demikian, Keadaan ini memerlukan penyelesaian yang teliti dan bijaksana untuk mengembalikan keamanan dan keharmonian dalam kumpulan.

Secara keseluruhannya, berdasarkan penelitian yang telah dilakukan melalui proses analisis kandungan yang dilakukan terhadap filem *Pulang*, terdapat beberapa kategori konflik yang telah dikenalpasti. Konflik-konflik berkenaan diwarnai dengan pelbagai peristiwa dan jenis-jenis konflik yang terdapat dalam filem ini.

#### 4.1.2 Menganalisis Kaedah-Kaedah Penyelesaian Konflik Dalam Filem *Pulang*

##### a) Penyelesaian Konflik Intrapersonal

Konflik dalaman individu merupakan cabaran yang melibatkan perasaan, nilai dan pemikiran yang bercanggah. Menyelesaikan konflik ini memerlukan pemahaman yang mendalam tentang diri sendiri dan usaha untuk mencapai keseimbangan antara pelbagai elemen dalaman yang bersaing (Burton, 1990). Selain itu, Dalam filem *Pulang*, penyelesaian konflik intrapersonal dapat direalisasikan melalui beberapa langkah yang membimbing watak ke arah pemahaman diri yang lebih mendalam dan mencapai keseimbangan dalam kehidupan. Salah satu prinsip yang paling ketara ialah penerimaan diri. Perubahan sikap juga merupakan langkah yang penting dalam menangani konflik intrapersonal. Watak-watak dalam filem ini mengalami perubahan dalam pandangan mereka terhadap diri dan kehidupan serta mengubah sikap negatif kepada lebih positif. Proses ini termasuk membangunkan keyakinan diri, meningkatkan motivasi, dan menemui nilai kehidupan yang lebih seimbang. penyelesaian konflik intrapersonal adalah perjalanan kearah pemahaman diri yang lebih mendalam dan mencapai keseimbangan dalam kehidupan. Melalui beberapa kaedah yang diambil, seseorang boleh berubah kearah keharmonian dalaman dan mencapai kebahagiaan yang lebih mampan. Penerimaan diri, perubahan sikap, dan komunikasi terbuka adalah kaedah untuk menyelesaikan konflik intrapersonal dalam filem *Pulang* yang membawa watak kearah positif. Sebagai contoh, beberapa penyelesaian konflik intrapersonal yang terdapat dalam filem ini iaitu :



**Gambar 14:** Tangkap layar babak menunjukkan Che Tom memberitahu tentang apa yang Othman fikirkan terhadapnya.

(**Sumber:** Filem *Pulang* (2018), minit 12:00)

Penyelesaian konflik intrapersonal ini tercetus apabila Che Tom secara jujur menyatakan keperluan utamanya dalam cinta hanyalah kasih sayang dan perhatian. Ungkapan ini menimbulkan satu pertimbangan yang signifikan dalam fikiran Othman yang sebelum ini merasakan dirinya tidak layak menjalinkan hubungan percintaan dengan Che Tom kerana terpengaruh dengan pandangan negatif terhadap dirinya yang dicemari dengan kekurangan dan keterbatasan. Oleh itu, langkah untuk menyelesaikannya bermula apabila Othman, dengan keazaman memutuskan untuk mengubah pandangan negatifnya. Keputusan Othman untuk menjaga Che Tom dan memberikan kasih sayang dan perhatian yang diperlukannya menandakan kemuncak penyelesaian konflik ini. Othman enggan membiarkan dirinya terperangkap dalam pandangan tidak layak dan kekurangan memilih untuk melihat potensi positif dalam dirinya dan menghormati keperluan Che Tom. Resolusi ini mewakili perubahan ketara dalam sikap Othman yang kini bersedia untuk terlibat dalam hubungan yang baik dan memberikan komitmen emosi yang diperlukan.

Melalui keberanian dalam menghadapi konflik intrapersonal, Othman bukan sahaja mengubah pandangannya sendiri malah turut membuka jalan kepada perkembangan positif dalam hubungannya dengan Che Tom. Tindakan yang ingin memberikan kasih

sayang dan perhatian yang mencukupi mencerminkan kematangan emosi dan kesanggupannya untuk berkembang dalam perhubungan. Oleh itu, menyelesaikan konflik ini bukan sekadar mengatasi tentangan dalaman, tetapi juga merupakan langkah positif ke arah perjalanan perubahan dalam diri dan hubungan yang lebih erat.

Seterusnya, berikut merupakan penyelesaian konflik yang timbul dalam diri Che Tom.



**Gambar 15:** Tangkap layar babak Che Tom turun ke laut mencari Othman

(**Sumber:** Filem *Pulang* (2018) , minit 26:49)

Penyelesaian konflik dalam babak di atas iaitu memperlihatkan kematangan watak Che Tom yang mengambil langkah tegas untuk menyelesaikan konflik intrapersonal. Keputusan Che Tom mencari Othman ke laut menunjukkan kematangan dan keazamannya untuk menamatkan ketidakpastian yang menghantui fikirannya. Dalam pencarian ini, Che Tom bukan sahaja cuba mencari Othman malah bercakap secara terbuka dengan Othman. Perbualan ini menjadikan Che Tom meluahkan perasaan, tentang betapa pentingnya Othman dalam hidupnya, dan memberi pesanan kepada Othman agar tidak meninggalkannya lagi. Melalui komunikasi tersebut, Che Tom mencipta ruang persefahaman dan keterbukaan antara mereka.

Selepas daripada itu, Othman dan Che Tom kembali hidup bahagia dengan menyelesaikan ketidakpastian yang sebelum ini menghantui Che Tom. Oleh hal yang demikian, adalah penting untuk diambil perhatian bahawa penyelesaian konflik dalam

konteks ini bukan sahaja merangkumi tindakan fizikal, tetapi juga melibatkan aspek emosi dan komunikasi. Langkah yang diambil oleh Che Tom mencerminkan kebijaksanaan dalam bertindak balas terhadap konflik dalam meletakkan kepentingan hubungan mereka. Oleh itu, jelaslah bahawa penyelesaian konflik bukan sahaja tentang menyelesaikan masalah secara fizikal, tetapi juga tentang keupayaan untuk memahami dan menerima sesuatu perkara. Pencarian Othman ke laut adalah langkah penting dalam mewujudkan semula keamanan dan kebahagiaan dalam hubungan mereka.

Selain itu, berikut penyelesaian yang ketiga konflik intrapersonal berlaku dalam diri Othman iaitu :




**Gambar 16:** Tangkap layar babak menunjukkan Othman sedang tidur

(Sumber: Filem *Pulang* (2018), minit 53:52)

Berdasarkan gambar di atas, penyelesaian konflik intrapersonal berlaku apabila Othman tertidur selepas meluahkan perasaan rindu untuk pulang ke kampung berjumpa dengan Che Tom. Keadaan tidur ini memainkan peranan utama dalam menangani perasaan rindu yang melanda hatinya. Terlelap di atas meja menjadi punca utama Othman untuk meringankan beban emosinya. Ketika tidur, Othman memberi peluang kepada dirinya untuk memproses dan mengatasi perasaan rindu yang mungkin mengganggu ketenangannya. Kesunyian yang dibawa oleh tidur memberi ruang untuk minda tenang dan menghadapi konflik intrapersonal yang tersembunyi.

Dalam hal ini, tidur bukan sekadar melarikan diri secara fizikal, tetapi juga satu bentuk melarikan diri daripada konflik emosi yang mungkin sukar untuk diucapkan atau diakui secara sedar (Wahid dan Nurul, 2007). Ketika tidur, minda Othman tanpa sedar bekerja untuk memproses dan menyerap perasaan rindu yang menghantuinya. Tidur melambangkan peralihan daripada fasa kebimbangan emosi kepada peringkat yang lebih damai. Justeru, penyelesaian konflik intrapersonal Othman direalisasikan perlahan-lahan melalui detik ketenangan yang tercipta ketika dia tertidur. Ini mencerminkan bahawa proses penyembuhan emosi kadangkala memerlukan masa dan ketenangan dan tidur boleh menjadi cara semula jadi untuk melegakan dan mengatasi perasaan yang membebaskan jiwa.

Seterusnya, Penyelesaian konflik yang keempat berlaku dalam diri Othman ketika dia ingin balik berjumpa Che Tom iaitu :



**Gambar 17:** Tangkap layar babak menunjukkan Karim memberi nasihat kepada Othman

(Sumber: Filem *Pulang* (2018), minit 01:28:05)

Berdasarkan gambar di atas, penyelesaian konflik intrapersonal yang melanda Othman mencapai kemuncaknya apabila secara tidak disangka-sangka dia bertemu dengan seorang penduduk kampung yang bernama Karim. Pertemuan ini membuka pintu

kepada Othman untuk mendapatkan pandangan yang berharga tentang cara menyelesaikan konflik dalam dirinya.

Karim telah memberi nasihat dengan mengubah pandangan Othman terhadap konflik yang dihadapinya dengan memberitahu Othman perlu balik ke kampung walaupun dengan sehelai sepinggang kerana Che Tom tidak memerlukan Othman balik dengan membawa wang yang banyak. Karim telah membuka mata Othman tentang hakikat kebahagiaan dan kedamaian sebenar dalam perhubungan. Nasihat Karim telah mewujudkan pemahaman yang mendalam tentang apa yang sebenarnya dimahukan oleh Che Tom. Othman sedar bahawa kehadiran dan kesejahteraan peribadi mempunyai nilai yang jauh lebih besar daripada harta benda atau kemewahan.

Konflik intrapersonal yang melibatkan kebimbangan Othman untuk memberikan kebahagiaan kepada Che Tom akhirnya menemui jalan penyelesaian. Pertemuan ini bukan sahaja memberi jawapan kepada soalan Othman, malah membantu menghilangkan keresahannya. Apabila mengetahui Che Tom hanya ingin tahu Othman selamat, Othman dapat membebaskan dirinya daripada bebanan perasaan tidak selamat dan cemas yang mungkin menjalar di fikirannya. Berdasarkan usaha untuk memulihkan konflik intrapersonalnya, Othman kini mempunyai pemahaman yang lebih jelas tentang cara mencapai keseimbangan dan kebahagiaan dalam hubungannya dengan Che Tom, tanpa dibebani dengan jangkaan. Oleh itu, pertemuan yang tidak dijangka dengan Karim bukan sahaja menyelesaikan konflik intrapersonal Othman, tetapi juga meletakkannya di jalan menuju kedamaian pemahaman yang lebih mendalam tentang erti sebenar cinta dan perhubungan.

Di samping itu, berikut adalah gambaran penyelesaian konflik kelima yang berlaku dalam diri Che Tom.



**Gambar 18:** Tangkap layar babak menunjukkan Che Tom sedang menahan kemarahan terhadap Othman

(Sumber: Filem *Pulang* (2018) , minit 01:47:04)

Berdasarkan gambar di atas, penyelesaian konflik yang terdapat dalam diri Che Tom berlaku apabila Che Tom tetap menunggu kepulangan Othman ke kampung. Walaupun Che Tom marah terhadap Othman, dia tetap menyangi Othman dan sentiasa menunggu kepulangannya. Penyelesaian konflik dalam diri Che Tom dapat diatasi dengan penuh kesabaran dan kasih sayang. Kesanggupan Che Tom menyayangi Othman walaupun marah menggambarkan kematangan emosinya. Menyangi Othman dan tetap setia menanti kepulangan beliau menjadi langkah bijak dalam meredakan konflik dalam diri Che Tom.

Tindakan Che Tom untuk terus menunggu dan menyayangi Othman menunjukkan sikap positif yang boleh membantu memperbaiki hubungan sesama mereka. Keputusannya untuk tidak membiarkan kemarahan menguasai hatinya dan sebaliknya memilih untuk mengekalkan ikatan kasih sayang terhadap Othman adalah langkah bijak dalam menangani konflik intrapersonal. Oleh hal yang demikian, melalui kebijaksanaan dan kesabaran Che Tom, penyelesaian konflik dalam dirinya dapat dicapai dengan mengekalkan hubungan positif dengan Othman. Sikap sayang dan kesetiaannya dalam menunggu kepulangan Othman mencipta jalan untuk memulihkan hubungan,

membuktikan bahawa cinta dan persefahaman boleh menjadi tunjang yang kuat untuk menyelesaikan konflik dalaman. Tambahan pula, menyelesaikan konflik dalam diri Che Tom melibatkan pengurusan emosi, memahami perasaan dan komitmen untuk membina semula hubungan yang mungkin telah rosak. Keseluruhan proses ini mencerminkan kematangan emosi dan kebijaksanaan dalam mengendalikan konflik interpersonal.

#### **b) Penyelesaian Konflik Interpersonal**

Konflik interpersonal merupakan bahagian yang tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan manusia. Walau bagaimanapun, perbezaan pendapat, nilai dan keperluan antara individu sering menimbulkan ketegangan yang memerlukan penyelesaian (Floyd, 2009). Menyelesaikan konflik interpersonal adalah kunci untuk membina hubungan yang sihat dan harmoni. Menurut Burton (1969), konflik boleh difahami sebagai ketidakpuasan hati terhadap keperluan asas manusia seperti keselamatan, identiti, dan pengiktirafan. Dalam konteks ini, menyelesaikan konflik interpersonal adalah kunci utama untuk membina dan mengekalkan hubungan yang berkualiti. Pemahaman yang lebih mendalam tentang keperluan individu adalah aspek yang sangat penting dalam menyelesaikan konflik yang berkesan. Dengan memikirkan keperluan asas setiap individu, seseorang boleh membentuk strategi penyelesaian yang lebih holistik dan berkesan. Berdasarkan filem *Pulang*, terdapat beberapa penyelesaian konflik interpersonal yang mencerminkan kesedaran tentang keperluan asas manusia. Terdapat adegan di mana watak utama berkomunikasi antara satu sama lain untuk memahami perasaan dan keperluan masing-masing dan mencari titik persamaan serta mencapai perdamaian. Pemahaman yang mendalam tentang keperluan individu boleh membentuk hubungan yang lebih kukuh dan lebih damai. Apabila menggunakan konsep ini, penyelesaian konflik interpersonal bukan sekadar menyelesaikan perselisihan faham tetapi juga membina persefahaman antara individu dan individu yang lain. Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa pemahaman yang

mendalam tentang keperluan individu adalah kunci utama dalam mencapai penyelesaian konflik interpersonal yang berkesa. Sebagai contoh, beberapa penyelesaian konflik interpersonal yang terdapat dalam filem *Pulang* ini iaitu:



**Gambar 19:** Tangkap layar babak menunjukkan Othman berjanji kepada Che Tom

(**Sumber:** Filem *Pulang* (2018), minit 12:37)

Berdasarkan babak di atas, konflik interpersonal dapat diselesaikan dengan penuh kebijaksanaan apabila Othman berjanji kepada Che Tom bahawa dia akan menjaga hatinya hingga ke akhir hayatnya. Hasil daripada komitmen yang kuat tersebut, Othman dan Che Tom akhirnya memutuskan untuk berkahwin lalu mereka hidup bahagia bersama. Proses penyelesaian konflik interpersonal terjadi apabila Che Tom mampu mengubah persepsi Othman yang sebelumnya memandangnya sebagai seseorang yang hanya mementingkan kemewahan dalam percintaan.

Perkahwinan Othman dan Che Tom adalah simbol kejayaan penyelesaian konflik yang berpunca daripada keupayaan mereka untuk berkomunikasi secara terbuka dan jujur. Janji Othman untuk menjaga hati Che Tom sehingga akhir hayatnya mewujudkan kepercayaan yang mendalam antara mereka. Ini membuktikan bahawa penyelesaian konflik bukan sahaja melibatkan persefahaman, tetapi juga usaha untuk memperbaiki hubungan dan memberikan jaminan kesetiaan. Kepentingan janji Othman adalah sebagai elemen penyelesaian konflik yang menekankan bahawa kepercayaan dan komunikasi yang baik adalah kunci utama untuk mengatasi perbezaan dan ketidaksempurnaan dalam

perhubungan. Oleh itu, penyelesaian konflik ini bukan sekadar pengakhiran yang bahagia, tetapi juga permulaan perjalanan hidup bersama yang penuh dengan kasih sayang dan keselamatan emosi.

Seterusnya, penyelesaian konflik interpersonal yang kedua antara Othman dan Che Tom dapat dikesan melalui babak berikut:




**Gambar 20:** Tangkap layar babak menunjukkan Che Tom menerima keputusan Othman

(Sumber: Filem *Pulang* (2018), minit 15:37)

Berdasarkan gambar di atas, konflik interpersonal berjaya diselesaikan melalui dialog antara Othman dan Che Tom di mana Othman bercakap dengan Che Tom bahawa Che Tom tidak perlu risau kerana Othman berjanji untuk cari jalan pulang. Dalam perbualan mereka, Othman bercakap dengan ikhlas bahawa dia komited untuk mencari jalan pulang bagi meredakan keresahan yang mungkin dirasai oleh Che Tom. Perjanjian ini adalah salah satu aspek untuk menyelesaikan konflik interpersonal. Perbualan ini bukan sahaja menggambarkan kematangan emosi Othman dalam menangani konflik, malah menunjukkan usahanya untuk memahami perasaan Che Tom. Dalam hal ini, Othman cuba menyelesaikan ketidakselesaian dan ketegangan yang mungkin timbul antara mereka.

Selain itu, Dengan janji Othman untuk mencari jalan pulang, menyelesaikan konflik ini bukan sekadar pertuturan antara mereka tetapi langkah ke arah perdamaian. Tindakan ini dapat membawa ke arah positif dan hasilnya dapat dilihat apabila Othman berjaya mencari jalan pulang. Kejayaan Othman untuk pulang ke kampung memberi impak positif kepada hubungan mereka dan setelah konflik itu diselesaikan, mereka dapat kembali menjalani kehidupan mereka dengan kebahagiaan baru. Oleh hal yang demikian, penyelesaian konflik interpersonal ini melibatkan komunikasi terbuka, komitmen untuk mencari penyelesaian dan tindakan yang boleh membawa kedamaian dan kebahagiaan dalam hubungan interpersonal. Dengan itu, dapat disimpulkan bahawa penyelesaian konflik melalui dialog dan komunikasi yang berkesan dapat membentuk aspek yang kukuh dalam menjalinkan hubungan yang lebih baik.

Selain itu, penyelesaian konflik interpersonal yang ketiga antara Othman dan Che Tom dapat dilihat melalui babak berikut:



**Gambar 21:** Tangkap layar babak menunjukkan Che Tom terpaksa menerima keputusan Othman untuk menjadi kelasi kapal  
(Sumber: Filem *Pulang* (2018), minit 35:00)

Berdasarkan babak di atas, dapat dilihat bahawa penyelesaian konflik antara Othman dan Che Tom melibatkan detik yang penuh emosi dan penting di mana Che Tom meminta Othman tidak melupakan mereka di kampung apabila Othman mengambil

keputusan untuk belayar. Keputusan Othman untuk belayar sememangnya menimbulkan keresahan dalam hubungan mereka, tetapi Che Tom bijak membawa perkara ini kepada penyelesaian melalui perbualan terbuka.

Che Tom secara ikhlas menyatakan keraguan dan harapannya terhadap Othman. Beliau meminta Othman tidak melupakan tanggungjawab dan ikatan hubungan mereka di kampung. Keadaan ini menjadikan Che Tom mula menerima keputusan Othman. Apabila menjawab permintaan Che Tom, Othman dengan rendah hati dan penuh kasih sayang berjanji tidak akan melupakan Che Tom dan anaknya. Othman berkata bahawa mereka adalah nyawanya, dan dengan ikhlas berjanji untuk pulang. Janji ini bukan sahaja penyelesaian konflik kepada masalah yang dihadapi, malah menunjukkan kematangan emosi Othman dalam menguruskan perhubungan mereka. Walaupun terpaksa bersetuju dengan keputusan Othman untuk belayar, menerima janji Othman membawa ketenangan di hatinya. Ini menunjukkan betapa pentingnya komunikasi dan komitmen terbuka dalam menyelesaikan konflik interpersonal. Akhirnya, janji Othman kepada Che Tom menjadi asas yang kukuh untuk menyelesaikan konflik dalam memulihkan keseimbangan dan keharmonian dalam hubungan mereka.

Selanjutnya, penyelesaian konflik interpersonal yang keempat antara Che Tom dan anaknya Omar yang dapat dilihat melalui babak berikut:



**Gambar 22:** Tangkap layar menunjukkan Omar telah memujuk Che Tom

(Sumber: Filem *Pulang* (2018), minit 56:40)

Berdasarkan babak di atas, dapat dilihat bahawa bagaimana konflik interpersonal antara Omar dan Che Tom mengalami penyelesaian melalui usaha dan kebijaksanaan Omar. Omar memainkan peranan penting dalam menyelesaikan konflik interpersonal antara ibunya iaitu Che Tom. Omar memutuskan untuk memujuk dan memberitahu Che Tom tentang niat baik Othman untuk terus berhubung dengan mereka, penjelasan Omar berhubung kesukaran yang dihadapi Othman di atas kapal membuka pintu kepada pemahaman yang lebih mendalam terhadap Che Tom. Omar menjelaskan bahawa beban kerja Othman di atas kapal menyukarkan dia mencari masa untuk menulis surat atau bertanya khabar daripada mereka di kampung. Penjelasan Omar mewujudkan gambaran sebenar tentang cabaran dan tekanan yang dihadapi Othman dalam menjalani kehidupan di laut. Berdasarkan memahami perspektif ini, Omar berjaya meredakan kemarahan Che Tom dengan mengubah pandangan dan pemikirannya terhadap Othman.

Penyelesaian konflik interpersonal antara mereka terletak pada kejayaan Omar dalam meyakinkan ibunya bahawa konflik yang timbul bukan berpunca daripada niat buruk Othman tetapi berpunca daripada halangan yang dihadapinya di atas kapal. Omar mencipta naratif yang menimbulkan tanggapan bahawa Othman masih mengambil berat dan ingin terus berhubung dengan keluarganya walaupun dia berdepan dengan masa yang terhad dan situasi yang sukar.

Omar berjaya mencapai matlamatnya untuk memujuk ibunya supaya tidak marah kepada Othman melalui penerangan yang bijak telah diberikannya. Ini mewujudkan penceritaan yang memberi inspirasi yang menunjukkan bahawa dengan komunikasi yang berkesan dan memahami situasi, konflik interpersonal boleh diatasi. Penjelasan ini memberikan mesej yang kuat tentang kepentingan emosi dan penyelesaian konflik dalam mengekalkan keharmonian dalam hubungan manusia serta kepentingan memahami emosi dan cabaran yang dihadapi oleh individu dalam situasi tertentu.

Di samping itu, penyelesaian konflik interpersonal kelima yang berlaku antara Che Tom dan Omar iaitu :



**Gambar 23:** Tangkap layar menunjukkan Che Tom bercakap dengan Omar

(Sumber: Filem *Pulang* (2018), minit 57:50)

Konflik interpersonal dalam babak ini dapat diselesaikan melalui komunikasi yang jujur. Che Tom telah berjaya menyelesaikan ketegangan dengan mendedahkan niat sebenar beliau untuk menjual bot Othman. Dia memberitahu Omar bahawa tujuannya untuk menjual bot tersebut adalah untuk mendapatkan wang sebagai modal untuk mencari Othman di Hong Kong dan mengajaknya pulang ke kampung. Che Tom telah membuka jalan untuk memahami dan menyelesaikan konflik tersebut.

Penjelasan Che Tom kepada Omar turut melibatkan nilai kekeluargaan seperti menekankan kepentingan menjalinkan hubungan dengan Othman berbanding mempunyai bot. Dengan memujuk Omar bahawa mempunyai hubungan rapat dengan Othman adalah lebih baik daripada memiliki harta, Che Tom memberikan pandangan moral terhadap tindakannya kepada Omar. Dalam konteks ini, penekanan terhadap komunikasi terbuka dan jujur memainkan peranan penting dalam menyelesaikan konflik interpersonal. Che Tom telah memilih untuk menjelaskan kepada Omar secara terus terang tentang niatnya menjual bot tersebut dan ini membuka ruang terhadap dialog yang lebih mendalam dan persefahaman antara mereka. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa langkah-langkah ini dapat membantu mengatasi konflik interpersonal

Akhir sekali, penyelesaian konflik interpersonal yang terakhir antara Omar dan Che Tom:



**Gambar 24:** Tangkap layar menunjukkan perbualan Omar dan Che Tom

(Sumber: Filem *Pulang* (2018), minit 01:40:00)

Berdasarkan babak di atas, penyelesaian konflik interpersonal terjadi apabila Omar berusaha memujuk ibunya Che Tom untuk bertanya tentang Othman. Namun, usahanya tersebut bertemu dengan keengganan Che Tom yang telah memutuskan untuk tidak mahu tahu lagi tentang Othman. Dalam perbualan, Che Tom dengan tegas memberitahu Omar bahawa dia melarang anaknya untuk tidak menyebut lagi nama Othman. Keputusan ini diambil kerana Che Tom bertekad untuk melupakan Othman.

Ketegasan Che Tom dalam melarang Omar untuk tidak menyebut atau bertanya tentang Othman menunjukkan kesungguhannya dalam mengatasi konflik interpersonal tersebut. Tindakan ini pada dasarnya adalah salah satu cara baginya untuk mengendalikan emosinya dan memutuskan hubungan dengan Othman. Oleh hal yang demikian, Che Tom membuang gambar-gambar Othman mencerminkan tekadnya untuk mengakhiri konflik tersebut dengan niat yang kuat untuk melupakan individu tersebut. Oleh itu, penyelesaian konflik interpersonal dapat dicapai melalui tindakan tegas dan tekad untuk melupakan serta mengendalikan emosi. Dalam hal ini, larangan Che Tom kepada Omar untuk tidak menyebut atau bertanya tentang Othman adalah langkah yang diambil untuk mengakhiri konflik interpersonal antara mereka.

### **c) Penyelesaian Konflik Antara Kumpulan**

Menurut John W Burton (1990), konflik antara kumpulan adalah cabaran biasa di pelbagai peringkat masyarakat, dari peringkat tempatan hingga global. Fenomena ini mencerminkan perbezaan nilai, minat dan pandangan berbeza yang boleh menimbulkan ketegangan yang memudaratkan hubungan antara individu dan kumpulan. Menyelesaikan konflik antara kumpulan adalah suatu langkah yang kompleks, bermula dengan pemahaman yang mendalam tentang punca masalah yang timbul. Langkah awal ini memerlukan penjelasan mengenai punca konflik, seperti perbezaan pendapat, nilai yang bercanggah atau kekurangan komunikasi. Kepentingan komunikasi terbuka dan jujur muncul sebagai elemen penting dalam proses ini, di mana ahli kumpulan perlu berinteraksi secara aktif dan menyampaikan pandangan dan perasaan mereka. Dalam menyelesaikan konflik antara kumpulan, mendengar dengan teliti antara satu sama lain menjadi aspek yang sangat relevan. Melalui pendengaran yang penuh perhatian, kumpulan dapat memahami perspektif masing-masing dan mengenali faktor-faktor yang memainkan peranan dalam konflik. Kemudian, menerima pandangan yang berbeza

adalah langkah seterusnya dalam membentuk perjanjian dan penyelesaian yang boleh diterima oleh semua pihak. Ini adalah penting untuk menyedari bahawa menyelesaikan konflik antara kumpulan bukan sahaja mengenai menghapuskan ketegangan tetapi juga mewujudkan keharmonian dalam masyarakat. Oleh itu, adalah penting untuk kita memahami konsep menyelesaikan konflik antara kumpulan dan mengenalpasti kaedah yang berkesan untuk mencapai keharmonian serta penyelesaian konflik bukan sahaja perlu mencari cara untuk menghapuskan konflik tetapi juga mengurus perbezaan pendapat dengan bijak.

Berikut merupakan penyelesaian konflik antara kumpulan yang berlaku antara Othman dan Lum:



**Gambar 25:** Tangkap layar babak menunjukkan Othman dan Lum berjaya lari dari pihak Jepun


(Sumber: Filem *Pulang* (2018), minit 20:00)

Berdasarkan babak di atas, konflik antara kumpulan dapat diselesaikan apabila mereka dapat melarikan diri daripada pihak Jepun. Pergaduhan mereka dengan Jepun

berakhir apabila mereka berjaya melarikan diri. Keadaan ini menjadi titik perubahan dalam menamatkan konflik dan ketegangan antara kedua-dua pihak. Kejayaan mereka dalam melarikan diri mencapai kemuncak apabila mereka menyelamatkan diri dengan bersembunyi di dalam sungai yang dipenuhi dengan mayat orang asli yang menjadi mangsa kekejaman Jepun. Tindakan ini bukan sahaja menjadi strategi bijak untuk menipu pencarian Jepun, tetapi juga menggambarkan keberanian dan keputusan tegas Othman dan Lum dalam menghadapi ancaman.

Dalam hal ini, apabila Jepun tidak dapat menemui mereka, suasana kembali tenang, dan konflik berakhir. Kejayaan melarikan diri memberi impak positif, di mana Othman dan Lum berjaya pulang ke kampung dengan selamat. Othman dan Lum kembali hidup dalam keadaan bahagia tanpa sebarang kekacauan dari pihak Jepun. Justeru, dapat disimpulkan bahawa penyelesaian konflik dalam konteks ini berlaku melalui tindakan bijak dan keberanian mereka melarikan diri daripada pihak Jepun yang akhirnya memberi kesan positif dan memulihkan keamanan dan kebebasan terhadap mereka.

Selain itu, penyelesaian konflik antara kumpulan yang kedua berlaku terhadap Othman dan sahabatnya Lum:



**Gambar 26:** Tangkap layar babak menunjukkan Lum telah di buang kerja

(Sumber: Filem *Pulang* (2018), minit 50:50)

Berdasarkan babak di atas, kedatangan kapten kapal adalah titik penting yang boleh membawa penyelesaian kepada konflik antara kumpulan. Kehadirannya bukan sahaja menghentikan pergaduhan, malah mengundang padah yang serius kepada Lum. Apabila kapten kapal tiba, pertempuran antara ahli kumpulan dan kelasi kapal berhenti serta-merta. Kehadiran pihak berkuasa ini mempunyai kesan yang besar terhadap konflik antara kumpulan yang berlaku. Namun, apa yang berlaku seterusnya menunjukkan kedatangan kapten kapal turut membawa perubahan besar terhadap nasib Lum.

Ketika Lum cuba mempertahankan dirinya dengan menarik pisau daripada orang lain, kapten kapal datang secara tiba-tiba dan dia melihat Lum memegang pisau pada ketika itu menyebabkan Lum tertuduh ingin membunuh kelasi kapal yang lain lalu Lum dibuang kerja disebabkan tertuduh ingin membunuh. Oleh itu, jelaslah bahawa kedatangan kapten kapal merupakan titik penyelesaian yang berkesan dalam konflik antara kumpulan. Insiden ini menunjukkan bahawa kehadiran pihak berkuasa boleh memberi kesan besar kepada penyelesaian konflik antara kumpulan serta keputusan Lum dibuang kerja menyebabkan konflik antara kumpulan berakhir.

Secara keseluruhannya, hasil kajian yang dijalankan melalui analisis kandungan filem *Pulang* menunjukkan terdapat beberapa penyelesaian konflik yang telah dikenal pasti. Proses analisis ini melibatkan pemahaman yang mendalam tentang pelbagai peristiwa yang berlaku dalam filem, membolehkan dan mendedahkan bagaimana konflik tersebut diselesaikan. Dalam perkembangan cerita filem, penyelesaian konflik digambarkan sebagai hasil interaksi kompleks antara watak utama. Bukan sahaja terhadap konflik intrapersonal, tetapi juga konflik interpersonal dan konflik antara Kumpulan yang menimbulkan peristiwa dalam cerita. Peristiwa penting, seperti percubaan Omar untuk memujuk ibunya tentang Othman, mencerminkan perubahan dan evolusi hubungan antara watak.

Penyelesaian konflik ini juga tercermin dalam keputusan tegas yang diambil oleh beberapa watak dalam filem itu. Sebagai contoh, larangan Che Tom terhadap Omar untuk tidak menyebut nama Othman sekali lagi menunjukkan bagaimana konflik interpersonal boleh ditamatkan dengan langkah tegas dan kemahuan yang kuat untuk menyelesaikan masalah tersebut. Selain itu, penyelesaian konflik dalam filem *Pulang* bukan sahaja terhad kepada tindakan individu, tetapi juga boleh dipengaruhi oleh faktor luaran, seperti situasi atau peristiwa tersebut. Ini menunjukkan kerumitan hubungan manusia dan bagaimana persekitaran sekeliling boleh memainkan peranan penting dalam menyelesaikan konflik. Justeru, rumusan kajian ini ialah filem *Pulang* berjaya menggambarkan pelbagai penyelesaian konflik melalui naratif yang kompleks dan watak yang kuat. Dalam konteks ini, kajian analisis kandungan telah memberikan gambaran yang mendalam tentang cara konflik ini diselesaikan dan memberikan pemahaman yang lebih baik tentang pelbagai peristiwa tentang hubungan seseorang yang terkandung dalam cerita filem ini.

## BAB 5

### KESIMPULAN

#### 5.0 Pengenalan

Bahagian ini adalah membincangkan tentang rumusan dan juga penutup yang komprehensif terhadap analisis dan perbincangan kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Dalam bahagian ini, pengkaji akan memberikan penjelasan yang menyeluruh berkenaan tajuk dan implikasi kajian yang diperolehi. Selain itu, pengkaji akan meringkaskan idea dan kandungan telah dinyatakan dengan ringkas dan padat sambil membentangkan cadangan yang akan dikemukakan. Dalam bab ini juga bertujuan untuk membincangkan rumusan akan dapatan kajian dalam bab empat yang telah diperolehi dalam menganalisis filem *Pulang* 2018 arahan Kabir Bhatia. Antara perkara-perkara yang akan dibincangkan dalam bab ini ialah rumusan analisis, Cadangan bagi penyelidikan pada masa akan datang seterusnya diakhiri dengan kesimpulan keseluruhan dapatan kajian. Pengkaji telah mendapati terdapat banyak konflik yang timbul terhadap watak-watak yang ada dalam filem tersebut.

Dalam bab ini juga bertujuan adalah untuk membincangkan rumusan dapatan kajian yang diperolehi daripada analisis filem *Pulang* 2018 arahan Kabir Bhatia yang terkandung dalam bab empat. Pelbagai aspek yang akan dikaji dalam bab ini, termasuk rumusan analisis yang merangkumi analisis terperinci tentang elemen utama dalam filem. Di samping itu, cadangan untuk penyiataan masa depan akan dibincangkan, menyediakan asas untuk membangunkan dan memperhalusi kajian ini dalam konteks yang lebih luas. Bab ini akan diakhiri dengan kesimpulan menyeluruh yang merumuskan secara terperinci dapatan kajian, memberikan gambaran menyeluruh dan mendalam tentang pemahaman filem tersebut.

Selain itu, pengkaji telah mengesan pelbagai konflik yang timbul antara watak-watak dalam naratif filem dan analisis ini akan diperluaskan untuk menyiasat implikasi dan kepentingannya terhadap perkembangan plot dan resolusi cerita secara keseluruhan. Dengan menggabungkan aspek-aspek yang terdapat dalam bab ini memberikan pandangan holistik terhadap filem *Pulang* 2018 merangkumi pelbagai dimensi analisis untuk memberikan pemahaman yang mendalam tentang filem yang berunsurkan konflik.

### **5.1 Rumusan Kajian**

Kajian konflik dalam filem *Pulang* (2018) arahan Kabir Bhatia memberikan gambaran mendalam tentang konflik yang dipaparkan dalam jalan cerita yang dapat dilihat dengan lebih jelas melalui filem tersebut. Kajian ini telah menjawab kepada dua objektif yang telah dikaji, aspek yang dikaji adalah berdasarkan jenis-jenis konflik dan kaedah untuk menyelesaikan konflik yang terdapat dalam filem *Pulang*. Konflik yang terdapat dalam filem *Pulang* telah berjaya dikeluarkan dan dianalisis menggunakan teori konflik John. W. Burton. Konflik yang dikeluarkan terbahagi kepada tiga jenis kategori iaitu konflik intrapersonal yang membawa kepada perubahan emosi seseorang disebabkan persekitaran sekeliling. Kedua, konflik interpersonal yang berlaku antara dua individu dan konflik antara kumpulan berlaku disebabkan pertengkaran antara kumpulan. Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif sebagai reka bentuk kajian kerana sumber kajian yang digunakan adalah berdasarkan visual dan internet sahaja. Pengkaji menyimpulkan konflik-konflik yang terdapat dalam filem *Pulang* (2018) yang diarahkan oleh Kabir Bhatia merupakan konflik yang terjadi daripada kisah benar melalui penceritaan semula oleh seorang anak kelasi kapal yang bernama Omar. Omar menceritakan konflik-konflik yang terjadi pada masa lalunya.

## 5.2 Cadangan

### 5.2.1 Masyarakat

Masyarakat merupakan tunjang utama dalam mempromosikan dan menyebarkan bidang kesusasteraan khususnya di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Peranan Masyarakat bertindak sebagai aspek utama dalam membantu penulis dan penggiat seni untuk memastikan karya sastera dapat disebarkan dalam bentuk visual bagi mempromosikan karya sastera di peringkat antarabangsa mahupun tempatan melalui pelbagai platform digital. Sebagai contoh, masyarakat tempatan menyampaikan pengalaman atau kritikan mereka terhadap karya sastera yang diadaptasikan melalui pelbagai platform seperti Facebook, Youtube dan Tiktok. Konflik dalam karya sastera khususnya yang diadaptasi daripada novel kepada filem merupakan aspek yang penting kerana konflik dapat menjadikan jalan sebuah cerita kelihatan lebih menarik dan tidak membosankan para penonton untuk melihat mesej yang ingin disampaikan melalui pelbagai konflik dalam bentuk audio atau video. Penggunaan media sosial sebagai platform untuk mempromosikan karya sastera juga dianggap berkesan dalam meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan membaca dan menonton karya bermutu tinggi yang memberi mesej dan peringatan tentang kehidupan masyarakat. Tambahan pula, Masyarakat juga dapat membantu penulis yang mengetengahkan tema konflik untuk memastikan karya mereka relevan. Oleh itu, menyebarkan kritikan dan pengalaman membaca karya sastera yang bermutu melalui media sosial merupakan saranan yang berharga daripada pengkaji kepada Masyarakat.

### 5.2.2 Pihak Kerajaan

Industri perfileman merupakan sektor penting dalam pembangunan budaya dan ekonomi sesebuah negara khususnya di Malaysia. Industri filem memainkan peranan penting dalam mengumpul warisan budaya, menceritakan kisah tempatan, dan mempromosikan identiti negara di peringkat antarabangsa. Pihak Kerajaan perlu menumpukan lebih banyak sumber untuk menyokong industri filem tempatan. Ini termasuk menambah baik peruntukan kewangan dan menyediakan insentif cukai yang lebih menarik untuk syarikat filem melabur dan menghasilkan karya yang berkualiti. Selain itu, sokongan dalam bentuk latihan, pendidikan dan pembangunan bakat dalam bidang perfileman perlu diperkasakan bagi meningkatkan keupayaan tempatan dalam menghasilkan dan mengedarkan karya filem.

Di samping itu, kerajaan memainkan peranan yang sangat penting dalam mengangkat martabat industri filem di Malaysia baik di dalam negara mahupun di peringkat antarabangsa. Kementerian Komunikasi Malaysia mengarahkan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) untuk memberikan sokongan kepada pengarah filem yang berminat menghasilkan filem berunsurkan konflik demi memastikan karya-karya berunsurkan konflik terus mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat. FINAS diharapkan dapat memberikan bantuan dalam menyediakan peralatan penggambaran seperti sewaan peralatan audio, pencahayaan, dan lain-lain, dengan kualiti yang tinggi, untuk memastikan filem yang dihasilkan tidak hanya menarik dari segi cerita tetapi juga visual. Industri perfileman Malaysia mempunyai potensi besar untuk terus membangun dan memberi sumbangan yang besar kepada pembangunan negara. Bagaimanapun, untuk mencapai matlamat ini, adalah penting bagi kerajaan untuk memainkan peranan yang lebih aktif dan memberikan sokongan berterusan kepada industry perfileman.

### **5.2.3 Cadangan kepada pengkaji lain**

Pengkaji-pengkaji baharu yang ingin melakukan kajian tentang unsur-unsur konflik dalam filem dapat membantu mereka untuk membuat kajian tentang konflik dan penyelesaiannya dalam sebuah filem tempatan mahupun antarabangsa. Konflik merupakan elemen penting dalam karya sastera yang memainkan peranan utama dalam menggerakkan plot, membangunkan watak, dan menyampaikan mesej kepada penonton atau pembaca. Di Malaysia, karya-karya sastera dan filem sering kali menggambarkan pelbagai jenis konflik, dari konflik interpersonal hingga konflik sosial atau politik. Dalam usaha untuk lebih memahami dan menghargai karya-karya ini, pengkaji lain perlu mengambil pendekatan yang sistematik dan memberi tumpuan kepada unsur-unsur konflik serta penyelesaiannya. Kajian ini dapat membantu para pengkaji lain untuk mengkaji lebih banyak unsur konflik dalam filem kerana konflik banyak terdapat dalam karya sastera dan filem.

### 5.3 Penutup

Akhir sekali, kajian konflik dalam filem *Pulang* (2018) arahan Kabir Bhatia memberikan pemahaman yang mendalam tentang konflik yang berlaku sepanjang naratif. Dengan meneliti pelbagai konflik yang dipersembahkan dalam filem ini dengan teliti, penyelidikan berjaya mendedahkan pelbagai konflik yang melibatkan pelbagai watak dan situasi. Secara keseluruhannya, cerita ini memberi sumbangan penting untuk memahami konflik yang timbul antara watak dan memberi jalan untuk menyelesaikan konflik yang timbul dalam filem *Pulang*. Dengan menganalisis pembangunan watak dan interaksi antara watak, penyelidikan ini dapat menyelami punca konflik dan memberikan gambaran mendalam tentang cara konflik ini boleh diselesaikan. Melalui analisis yang teliti, kajian ini juga memberikan pandangan yang kaya tentang hubungan antara konflik dan pembangunan plot, serta bagaimana penyelesaian konflik boleh mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas keseluruhan hala tuju dan makna cerita. Justeru, kajian ini bukan sahaja memberi kefahaman yang lebih mendalam tentang unsur-unsur konflik dalam filem *Pulang* tetapi juga memberi gambaran penting untuk memahami konflik dalam konteks filem secara lebih meluas.

## RUJUKAN

- Asaari, A., & Aziz, J. (2017). Konflik Semiotik dan Simbolik dalam Hubungan Ibu dan Anak Perempuan dalam Filem Seram Kontemporari Melayu: Kajian Kes Filem Senjakala (The Conflicts Between the Semiotic and the Symbolic in the Mother-Daughter Relationship in Malay Contemporary Horror Films: A Case Study film Senjakala). *Gema Online Journal of Language Studies*, 17(4).
- Astri, H. (2011). Penyelesaian konflik sosial melalui penguatan kearifan lokal. *Aspirasi: Jurnal Masalah-masalah Sosial*, 2(2), 151-162.
- Burton, John W. (1993). "Conflict Resolution as a Political Philosophy" dlm Conflict Resolution and Practice: Integration and Application (ed. Dennis J. D. Sandole & Hugo Van der Merwe). Manchester: Manchester University Press.
- Burton, J. W. (1969). Conflict and Communication. London: The MacMilla Press Ltd.
- Burton, J. W. (1972). World Society. London: Cambridge University Press
- Burton, J. W. (1972). Resolution of conflict. *International studies quarterly*, 16(1), 5-29.
- Burton, J. W. (1990). Conflict: Human Needs Theory. London: The MacMillan Press Ltd
- Burton, J. W. (1990). Conflict: Resolution and Provention. London: The MacMillan Press Ltd.
- Fitriyah, Y., & Puspitasari, A. (2017). Diplomasi Jepang Terhadap Rusia dalam Penyelesaian Sengketa Kepulauan Kuril Selatan Pada Masa Pemerintahan Shinzo Abe (2012-2016). *Balcony*, 1(1), 47-61.
- Hajar, S. (2013). Memperkukuhkan Tatacara Penyelesaian Konflik Tradisional Dalam Konteks Kontemporari Kajian Teks Syair Siti Zubaidah Perang China. *Persidangan Serantau Kearifan Tempatan*. Kuala Terengganu.
- Hendra, R., Firdaus, F., & Samariadi, S. (2022). Construction of Indigenous Community Gardens by the Company as Land Conflict Resolution. *UNIFIKASI: Jurnal Ilmu Hukum*, 9(1), 54-63.
- Irmawati, F. D. (2015). Konflik Sosial Dalam Naskah Drama Berjudul Petang di Taman Karya Iwan Simatupang dan Satu Bangku Dua Laki-Laki Karya Triono: Kajian Intertekstual dan Implementasinya Sebagai Bahan Ajar Sastra di SMA. *Ripository Universitas Muhammadiyah Surakarta*, 1-15.
- Juita, P., Saraswati, T., & Rudiansyah, R. (2021). Analisis Kepribadian dan Konflik Batin Tokoh Utama dalam Film Pendek Dí Dá Karya Ryan Tan. *Gramatika: Jurnal Ilmiah Kebahasaan dan Kesastraan*, 9(2), 179-189.
- Littrup, Lisbeth (1993). "Conflict in Malay Short Stories: Islam as Literary Frame". Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu III pada 5-8 September 1993, di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

- Sudirman, K. (2020). *Kehadiran Konflik Dalam Teks Syair Siti Zubaidah Perang China*. Universiti Malaysia Kelantan.
- Membunga, S. M. Y., Hamid, R. A., Othman, O., Salbani, A. S. (2012). *Konflik Resolusi dalam Hikayat Patani: Rekayasa Kearifan Tempatan dalam Sastera Melayu*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Haji Salleh (2019). "Asal Keturunan Raja Barus": Penyelesaian Konflik masyarakat Awal Melayu Barus dlm. *Penyelesaian Konflik dalam Kesusasteraan Melayu* (ed. Siti Hajar Che Man). Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia
- Mustafa, H. (2011). Perilaku manusia dalam perspektif psikologi sosial. *Jurnal Administrasi Bisnis*, 7(2).
- Mohamad Luthfi Abdul Rahman (2019). "Penyelesaian Konflik dalam Cerita-Cerita Lisan Jakun dan Che Wong: Antara Kelembutan dengan Kekerasan" dlm. *Penyelesaian Konflik dalam Kesusasteraan Melayu* (ed. Siti Hajar Che Man). Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Mohamad Zaini Abu Bakar (2019). "Penyelesaian Konflik dalam Kesusasteraan di Alam Melayu Nusantara" dlm. *Penyelesaian Konflik dalam Kesusasteraan Melayu* (ed. Siti Hajar Che Man). Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Musa, N. D. (2015). *Konflik-konflik dalam drama Shaharom Husain. Master's diss., Universiti Putra Malaysia, Selangor.*
- Noriah Taslim (1993). *Teori dan Kritikan Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahman, M. L. (2019). *Penyelesaian Konflik dalam Cerita-Cerita Lisan Jakun dan Che Wong: Antara Kelembutan dengan Kekerasan dalam Penyelesaian Konflik dalam Kesusasteraan Melayu*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Rahmania, A. (2016). Pengaruh Terapi Wudhu Sebelum Tidur Terhadap Skala Insomnia pada Remaja di SMA Negeri 7 Prabumulih Sumatera Selatan. *Masker Medika*, 4(2), 418-424.
- Rahayu, S. (2022). Resensi Buku: Hubungan Interpersonal untuk Komunikasi Bebas Konflik. *Majalah Biola Pustaka*, 1(1).
- Raja, F. D. *Konflik Para Tokoh Dalam Drama Die Räuber Karya Friedrich Von Schiller: Kajian Psikoanalisis.*
- Ramli, M. A., & Jamaludin, M. A. (2012). Prinsip hubungan sosial bagi menangani konflik dalam masyarakat Malaysia berteraskan Islam. *Jurnal Peradaban*, 5(1), 49-71.
- Saimon, A., & Hamzah, Z. A. Z. (2019). Penggunaan kiasan dalam plot konflik filem: Satu analisis pragmatik: Metaphorical usage of conflict plot in film: A pragmatic approach. *PENDETA*, 10, 37-74.

- Salleh, M. H. (2019). *Asal Keturunan Raja Baru*”: Penyelesaian Konflik masyarakat Awal Melayu Baru: Penyelesaian Konflik dalam Kesusasteraan Melayu. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Satata, D.B.N., & Shusantie, M.A (2021). Analisis Hubungan Interpersonal Dalam Filem ‘*Tilik*’ Pada Perspektif Psikologi. *Dinamika Sosial Budaya*, 23(1), 108-114.
- Sholeha, S. (2022). *Konflik Politik dalam Drama Seri Korea Snowdrop Karya Sutradara Jo Hyun Tak: Kajian Sosiologi Sastra*.
- Siby, P. S., & Joesoef, L. S. R. (2022). Interpersonal skill dan penyelesaian konflik individu pada usia dewasa awal. *INNER: Journal of Psychological Research*, 1(4), 235-244.
- Sicka, M. (2020). *Konflik Sosial Antar Tokoh Dalam Novel Jizeru Karya Akiyoshi Rikako Pendekatan Sosiologi Sastra* (Doctoral dissertation, Universitas Darma Persada).
- Sipayung, M. E. (2016). Konflik sosial dalam novel Maryam karya Okky Madasari: Kajian sosiologi sastra. *Sintesis*, 10(1), 22-34.
- Siradjuddin, S. (2015). Akar-akar konflik fundamental perspektif ekonomi politik. *Jurnal Iqtisaduna*, 1(2), 17-39.
- Siti Hajar Che Man et. al. (2013). “Memperkokuhkan Tatacara Penyelesaian Konflik Tradisional Dalam Konteks Kontemporari Kajian Teks Syair Siti Zubaidah Perang China”. Kertas kerja dibentangkan dalam Persidangan Serantau Kearifan Tempatan 2013 pada 6-7 Oktober 2013 di Sutra Beach Resort, Kuala Terengganu.
- Sulistiyono, A. W. (2018). *Analisis Konflik Tokoh Utama Dalam Drama Jepang Watashi Ni Koi Shita Ikemen Sugiru Obousan (Kajian Psikologi Sastra Terhadap Teks Drama)* (Doctoral dissertation, Universitas 17 Agustus 1945 Surabaya).
- Sudira, I. N. (2022). Resolusi Konflik sebagai Jalan Perdamaian Di Tanah Papua. *Jurnal Ilmiah Hubungan Internasional*, 82-95.
- Teater, S. M. T. K. P. *Pendekatan Teori Konflik Dalam Pertelingkahan Watak Menerusi Skrip Drama Mayat* (1970).
- Thalita, R. T. (2022). *Konflik Interpersonal Tokoh Koharu Fukuura Pada Filem Aishuu Shinderera karya Ryohei Watanabe. (Doctoral dissertation, Universitas Nasional)*,
- Wani, H. A., Suwirta, A., & Fayeye, J. (2013). Conflict resolution and conflict transformation: Some reflections. *ATIKAN*, 3(1).
- Weber, T. (1991). *Conflict Resolution and Gandhian Ethics*. New Delhi: The Gandhian Peace Foundation.
- Yaacob, C. H. E., & Ahmad, M. Z. (2019). Transformasi Isu Dalam Penyelesaian Konflik Patani di Selatan Thailand. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, 46(1).

- Yaacob, C, M, A. 2013. Transformasi Gerakan Pemisah dan Potensi Penyelesaian Konflik di Selatan Thailand. PhD Tesis. Universiti Sains Malaysia.
- Yaacob, C, M, A. 2009. Konflik Pemisah di Selatan Thailand: Isu, Aktor dan Penyelesaian. MA Tesis. Universiti Sains Malaysia.
- Yahya, M. A., Ahmad, A. A., Hashim, N., & Johari, A. (2022). Unsur Konflik Dalam Kartun 'Aku Budak Minang': Kajian Dari Perspektif Psikologi. *rentas: Jurnal Bahasa, Sastera dan Budaya*, 1(1), 135-156.
- Yaakup, H. S. Menelusuri Rajuk dalam Pulang: Sebuah Kebijakan Emosi Masyarakat Melayu. *The Writings on the Wall: What We Have in Common with the Romans when We Interact Using Harsh Language on Facebook*, 37.
- Zinon. (2002). Unsur-Unsur Konflik dalam Hikayat Raja Pasai dan Hikayat Merong Mahawangsa. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.